

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 109 ● 2 - 8 APRIL 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Bunga Tekoma hiasi bandaraya Kuala Lumpur

BARU-BARU ini tular di media sosial tentang landskap bunga berwarna-warni yang menghiasi bahu jalan raya sekitar ibu negara.

Ia bukan hanya menjadikan kawasan persekitaran berwarna-warni tetapi berupaya menarik pelancong dari dalam dan luar

negara.

Malah, sejak ditularkan, orang awam tidak ketinggalan merakam gambar bersama bunga-bunga tersebut selain menggelarnya sebagai 'sakura Malaysia'.

Mendapati sambutan yang menggalakkan daripada semua

pihak, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang untuk menanam lebih banyak pokok berbunga seperti Tekoma sekali gus mempromosikannya bagi tujuan pelancongan.

BERITA LANJUT DI MUKA 3



Pengeluaran KWSP RM72 billion ke mana dibelanjakan?

KIRA-KIRA 11 juta pencarum skim persaraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), mengeluarkan wang mereka yang melibatkan kos keseluruhan hampir RM72 bilion.

Daripada jumlah itu, beberapa individu dipercayai mengalami kerugian 'hangus' akibat terpedaya dengan janji manis penipu termasuk menjadi mangsa Love Scam warga Nigeria.



MOHD ZAKI

Namun, majoriti pencarum memanfaatkannya dengan membuat pelaburan dalam bentuk simpanan mahupun pembelian aset bernilai seperti emas dan hartanah.

Tidak kurang juga yang menggunakan untuk melangsinkan hutang pinjaman bank serta dijadikan modal perniagaan selain simpanan tunai kecemasan.

Bagi Mohd Zaki Manan yang bertugas

sebagai akauntan di salah sebuah hotel terkemuka Kuala Lumpur, duit i-Sinar yang diperolehnya dimanfaatkan untuk mengurangkan komitmen bulanan selepas terkesan dengan pandemik COVID-19.

"Duit i-Sinar yang diperoleh, saya gunakan dengan cara berhemah dan bukan untuk berhibur," katanya kepada Wilayahku.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



Generasi kedua, penyewa diberi izin beli Residensi Razakmas 2 - Annuar >> 8



Rumah untuk golongan muda
>> 9, 10 & 11



Masakan ibu di buffet Ramadan THYME OUT >> 15

Pengeluaran untuk 'duit sesak' langsai hutang bank

i-Sinar: Pencarum B40 tidak melabur

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

MUNGKIN golongan T20 memanfaatkan duit i-Sinar untuk pelaburan saham dan pembelian emas di samping mengumpul aset hartanah.

Namun bagi golongan M40 dan B40, duit simpanan yang ditetapkan pengeluaran pada usia emas nanti dimanfaatkan untuk belanja bulanan selain menjadi medium untuk melangsakan tunggakan hutang selepas terjejas semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurut akauntan, **Mohd Zaki Manan**, duit yang dikeluarkannya itu turut dijadikan simpanan tunai supaya boleh digunakan pada waktuk kecemasan.

Katanya, simpanan tunai penting berikutan ekonomi semasa sukar dijangka pada masa ini.

Sementara itu, blogger, **Roni Hidayat** memberitahu, usaha kerajaan membenarkan pengekuaran caruman persaraan itu membolehkan rakyat 'keluar' daripada masalah kewangan yang dihadapi.

Ini kerana, katanya, duit caru-



RONI HIDAYAT



ROSLI



SHIKIN



SUHAILEY

man itu sudah digunakan untuk melangsakan hutang sekali gus mengurangkan bebanan kewangan yang dialami.

Perkara yang sama turut dilakukan **Rosli Manah** yang pernah kehilangan pekerjaan sebelum ini.

"Sudah tentu pengeluaran duit i-Sinar sangat penting kepada saya. Apabila diberhentikan kerja, banyak hutang tertunggak dan melalui duit i-Sinar saya selesaikan sebahagian besar daripadanya.



PELABURAN hartanah, saham dan emas mempunyai risiko yang tinggi dan boleh merugikan jika individu terlibat tidak mempunyai ilmu asas berkaitan.

"Walaupun saya tidak sempat untuk membuat simpanan, saya lega kerana banyak masalah dapat diselesaikan," katanya yang kini menjana pendapatan melalui perniagaan.

Menurut pekerja swasta, **Shikin Hassan** pula, wang simpanan persaraan yang dikeluarkan awal itu dijadikan 'pelaburan

tunai' untuk kegunaan waktu kecemasan.

Katanya, ia tetap dibelanjakan untuk kegunaan rutin harian namun bukan bertujuan menunjuk kemewahan.

"Dalam keadaan sekarang, usahlah berboros. Berbelanja untuk perkara yang penting sahaja. Jangan sampai nak habiskan

Kronologi i-Sinar

6 November 2020 – Belanjawan 2021: Boleh keluar RM500 sebulan daripada Akaun 1 KWSP

16 November 2020 – i-Sinar KWSP penuhi keperluan rakyat – Tengku Zafrul

26 November 2020 – Kerajaan lulus pengeluaran 'one off' Akaun 1 KWSP (bersyarat)

2 Disember 2020 – KWSP umum dua kategori ahli layak mohon i-Sinar

11 Februari 2021 – KWSP dalam proses mansuh syarat i-Sinar: Tengku Zafrul

duit i-Sinar dalam masa singkat sedangkan banyak lagi kesukaran hidup pada masa depan yang kita tak tahu," ujarnya.

Bagi Pegawai Menara Kuala Lumpur, **Suhaily Sahad**, pekerja sepertinya juga memerlukan duit i-Sinar kerana turut mempunyai komitmen yang perlu dilunaskan.

Malah katanya, gaji bulanan juga tidak cukup untuk menampung kehidupan lebih-lebih bagi keluarga yang besar, oleh itu, pengeluaran i-Sinar amat membantu. **WK**

Pakar ekonomi mahu pencarum dalam ilmu pelaburan

PAKAR ekonomi menyarankan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mengeluarkan duit i-Sinar semata-mata untuk pelaburan saham termasuk emas dan hartanah, supaya berwaspada terhadap risiko jangka panjang.

Ini kerana kata, Pensyarah Kanan Putra Business School, **Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff**, apabila kita mula melabur dalam emas dan hartanah, pelaburan ini adalah bersifat jangka masa panjang dan agak sukar untuk mendapatkan kembali duit pelaburan tersebut dengan serta merta terutamanya jika kita melabur dalam hartanah.

"Lagipun had maksimum pengeluaran i-Sinar adalah RM60,000 dan kemungkinan kita terpaksa mengambil pinjaman tambahan untuk membeli hartanah."

"Ia akan mendatangkan risiko terhadap kita jika tidak mampu menampung komitmen hutang tambahan tersebut," jelasnya kepada Wilayahku ketika dihubungi pada Rabu.

Bagaimanapun, Ahmed Razman tidak menafikan keupayaan dalam pelaburan itu



AHMED RAZMAN

sebaliknya beliau menyeru supaya individu yang ingin melabur melengkapkan diri dengan ilmu sekali gus memahami risiko yang bakal dialami.

Jelasnya, golongan terlibat harus memastikan mereka faham selok-belok pelaburan emas dan hartanah menerusi pelbagai platform seperti pembacaan, kursus serta perbincangan bersama pakar pelaburan bagi mengurangkan risiko kerugian.

Ujarnya, ia berikut setiap pelaburan mempunyai risiko tersendiri.

Justeru katanya, jika mahu menggunakan duit i-Sinar untuk tujuan pelaburan, pastikan bahawa kewangan adalah stabil dan tidak memerlukan wang untuk tujuan menjelaskan hutang tertunggak.

"Pelaburan tersebut boleh memberi pulangan yang besar dan bagus jika kita telah lengkapkan diri kita dengan ilmu yang secukupnya."

"Kalau main terjah dalam pelaburan emas dan hartanah semata-mata kerana duit, kita akan kemungkinan besar ditimpah kerugian sebab risiko pelaburan tetap ada," jelasnya. **WK**

RM72 bilion dikeluar pencarum KWSP

PENCARUM Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mengeluarkan RM52.48 bilion di bawah skim i-Sinar yang diluluskan setakat 14 Mac lalu membabitkan 5.94 juta pemohon.

Bagi skim i-Lestari pula, sejumlah RM19.45 bilion pengeluaran diluluskan setakat 12 Mac lalu yang membabitkan 5.23 juta ahli.

Menurut Menteri Kewangan, **Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz** ketika membentangkan Laporan Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2021, Permai, Kita Prihatin, Penjana dan Prihatin (Laksana) ke-46, skim i-Sinar sejumlah RM32.74 bilion pengeluaran telah dikreditkan ke dalam akaun pemohon.

Kata beliau, kelayakan permohonan kemudahan i-Sinar juga ditambah baik mulai 8 Mac lalu bagi membantu rakyat meneruskan kelangsungan hidup.

"Bagaimanapun, perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) yang disediakan KWSP secara percuma untuk tujuan tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Tengku Zafrul berkata, bagi skim pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana), sebanyak 7,205



permohonan telah diluluskan dengan jumlah pinjaman membabitkan RM1.36 bilion, setakat 12 Mac lalu.

Beliau berkata, di bawah program itu, kerajaan memperuntukan RM2 bilion dengan keutamaan diberi kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada mana-mana institusi perbankan sebelum ini.

Di bawah Program Subsidi Upah (PSU), Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Penjana pula kata beliau, seramai 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja telah menerima manfaat tersebut.

"Setakat 12 Mac lalu, permohonan subsidi upah yang diluluskan bernilai RM12.84 bilion," katanya. **WK**

Tambah Tengku Zafrul lagi, di bawah PSU 2.0, sejumlah RM1.09 bilion telah disalurkan kepada 72,531 majikan bagi membolehkan mereka terus beroperasi dan terus menggaji 619,821 pekerja.

Beliau turut memaklumkan bahawa institusi perbankan tempatan telah meluluskan sejumlah RM11.75 bilion di bawah Dana Pinjaman Mudah PKS yang dikenalkan oleh Bank negara Malaysia (BNM).

Jumlah itu termasuk Dana Kemudahan Bantuan Khas (SRF), Kemudahan Automasi dan Pendigitalan (ADF), Kemudahan Sektor Ekonomi (AES) dan Kemudahan Agromakanan (AF). **WK**

Buku 365 Hari himpun 19 ucapan, dua artikel KSN dari Januari 2020

Zuki dedah cabaran ketua penjawat awam

DIANA SYUHADA MOHD AMIR

KETUA Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali melancarkan buku sulungnya 365 Hari Mohd Zuki Ali: Aspirasi & Cabaran di Bora Ombak, Marina Putrajaya pada Isnin.

Karya sulung beliau ini menghimpunkan 19 ucapan, tiga wawancara dan dua artikelnya sebagai ketua penjawat awam negara sejak Januari 2020.

Beliau menekankan mengenai prinsip F.A.S.T.E.R. yang bermaksud bergerak lebih cepat atau melaksanakan dengan lebih pantas.

"F.A.S.T.E.R merujuk kepada pelaksanaan kerja dalam organisasi secara *flatter, agile, streamlined, tech-enabled, efficient* dan *resilient*.

"Saya tidak ingin prinsip ini

sekadar slogan yang manis dibibir sahaja, tetapi mesti diajukan dan dilaksanakan oleh semua peringkat sektor awam," katanya.

Buku tersebut turut menghimpunkan amanat, ucaptama, ucapan, wawancara dan artikel media setebal 261 muka surat yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

RESENSI DI MUKA 18

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Sallehuddin Hassan; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman; Pengurus DBP Datuk Seri Dr Awang Sariyan serta Ketua Pengarah DBP Datuk Abang Salehuddin

Abang Shokeran.

Beliau turut berharap buku berkenaan dapat dijadikan panduan dan aspirasi kepada penjawat awam.

Mengulas lanjut, Mohd Zuki turut memberitahu, beliau sedang menyiapkan sebuah buku autobiografi yang dijangka diterbitkan penghujung tahun dan mendedahkan pengalamannya yang tidak pernah dilalui orang lain iaitu ketika peralihan kerajaan selepas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad meletak jawatan.

"Kita sebagai penjawat awam mesti meneruskan perkhidmatan dalam apa jua keadaan, jadi pengalaman (bagaimana saya lalui) itu akan dibukukan kerana orang ramai tidak tahu apa terjadi sebenarnya," katanya. **WK**



MOHD Zuki menunjukkan buku sulungnya pada majlis pelancaran pada Isnin.

DBKL rancang tanam lebih banyak pokok berbunga, warnai Kuala Lumpur

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang untuk menanam lebih banyak pokok berbunga seperti Tekoma untuk mengindahkan kawasan ibu kota sekali gus mempromosikannya bagi tujuan pelancongan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah

bagaimanapun berkata, sebelum merealisasikan hasrat itu pihaknya akan memberi tumpuan untuk menanam baik aspek penanaman dan

penyelenggaraan bagi memastikan kitaran pendebungaannya teratur.

"Sekarang, kita telah menanam pelbagai pokok teduhan di sekitar ibu kota, bukan sahaja Tekoma tetapi juga pokok berbunga lain seperti Mempat, Bungor, Cassia Fistula, Jakarta dan lain-lain."

"Semua pokok berbunga ini mampu mengindahkan lagi kawasan di tepian jalan, taman-taman awam dan kawasan lapang," katanya.

Pada masa ini di ibu negara, masyarakat bagaimanapun menikmati musim bunga apabila pokok Tekoma mula mekar dengan mengeluarkan bunga berwarna merah jambu dan putih sejak minggu lepas.

Suara itu disamakan seperti musim bunga sakura di Jepun dan Korea Selatan sekali gus menjadi daya tarikan kepada masyarakat serta mendapat perhatian banyak pihak termasuk liputan media.

Mahadi berkata, sehingga kini terdapat 10,030 pokok Tekoma ditanam di seluruh Kuala Lumpur dengan



BUNGA mekar yang berwarna-warni bukan sahaja menarik perhatian umum menjadikan landskap Kuala Lumpur cantik dan menarik. Foto Sivakumar

1,173 daripadanya berada di kawasan pinggir jalan.

"Kebanyakan pokok Tekoma ditanam di kawasan jalan seperti Jalan Klang Lama, Jalan Kuching, Jalan Sri Permaisuri, Jalan Metroprima Kepong dan Lebuhraya Baru Pantai (NPE).

"Ia ditanam di kawasan berkenaan kerana lokasi merupakan jalan-jalan utama dan mempunyai ruang yang mencukupi untuk pertumbuhan pokok yang sihat selain bagi mengindahkan jalan tersebut apabila tiba musim bunga," katanya.

Mahadi berkata, DBKL juga

akan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) atau Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk mencadangkan kajian berkaitan memanjangkan tempoh pendebungan.

Sementara itu, fenomena musim 'sakura' yang berlaku di ibu kota juga mendapat perhatian Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa yang mencadangkan agar lebih banyak pokok berbunga ditanam di sekitar ibu kota, menerusi Twitter rasminya. **WK**

Sharoul Jambari dilantik CEO baharu TDA

DR SHAROUL JAMBARI dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Technology Depository Agency (TDA) berkuat kuasa 1 April 2021.



SHAROUL

Dalam satu kenyataannya, Sharoul, 46, berasal dari negeri Johor merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menyertai TDA sejak tahun 2015 mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun di dalam sektor kerajaan dan swasta di dalam bidang pembangunan sistem.

"Beliau turut mempunyai pengalaman dalam bidang pembangunan industri dan kapasiti industri, pengurusan projek serta pengkhususan dalam penilaian teknologi untuk aplikasi industri seperti di sektor automotif dan aeroangkasa," katanya.

Beliau juga pernah mewakili Malaysia sebagai pembentang kertas kerja di peringkat antarabangsa terutamanya di pentas Global Industrial Cooperation Conference pada tahun 2019 dan tahun 2020.

"Beliau turut bertanggung jawab mengelolakan Sesi Perkongsian Pengetahuan antara Wakil Kerajaan Negara-negara yang mengamalkan polisi kerjasama industri atau offset yang dianjurkan semasa persidangan Global Industrial Cooperation Association (GICA)," katanya.

Dalam pada itu, TDA turut mengucapkan terima kasih kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Azril Marzaki untuk perkhidmatan beliau yang menjalankan tugas tersebut selama setahun bermula 1 April 2020.

"Diharapkan Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu ini akan meneruskan rekod kecemerlangan TDA serta mendokong penuh aspirasi Kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Kewangan dalam memacu perkembangan ekonomi, teknologi dan industri tempatan melalui Program Kolaborasi Industri (Industrial Collaboration Programme – ICP)." katanya. **WK**

Kerajaan komited bina rumah mampu milik di bandar – PM

AZLAN ZAMBRY

PERDANA Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan kerajaan Perikatan Nasional (PN) berikrar akan terus komited menyediakan perumahan mampu milik yang selesa kepada golongan B40 dan miskin bandar termasuk di kawasan pesat membangun meskipun berdepan cabaran peningkatan nilai hartanah.

Beliau berkata, kerajaan turut berdepan cabaran untuk menjaga kebijakan golongan miskin bandar, terutama warga Kuala Lumpur di kawasan perumahan kos rendah awam dan swasta, serta penduduk program perumahan rakyat (PPR).

"Dalam menyahut cabaran yang saya sebutkan ini, baru-baru ini kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah melancarkan Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur yang



RUMAH mampu milik untuk B40 terus dibina demi keselesaan rakyat.

bertujuan membangunkan semula kawasan usang dan tidak ekonomik seperti Perumahan Awam (PA) Sri Labuan," katanya pada majlis penyerahan kunci kepada pemilik Residensi Razakmas 2 pada Jumaat.

Tambahnya, inisiatif

tersebut dilaksanakan bagi memberikan kawasan yang terpilih akan berwajah baharu, vibrant dan mampu berdaya saing dan mampu meningkatkan nilai hartanah setempat.

Muhyiddin berkata, sejak setahun lalu, banyak bantuan

diberikan kepada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk membelanjakan RM40 juta untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan rumah kos rendah dan sederhana rendah.

"Ia untuk membaiki bumbung, tangga, mengecat bangunan serta pembakaian utiliti membabitkan 63 projek di bawah DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) selain 13 projek di Labuan dan ia dilaksanakan untuk memastikan kebijakan dan keselamatan rakyat terpelihara," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, niat yang ikhlas, tumpuan dan usaha gigih jentera kerajaan dalam memastikan keprihatinan terhadap kebijakan rakyat sentiasa diberikan keutamaan menjadi bukti projek Residensi Razakmas 2 yang pernah tertangguh selama 10 tahun dapat disiapkan sekali gus menamatkan penantian panjang penduduk PA Seri Labuan selama ini. WK

Generasi kedua, penyewa diberi izin beli Residensi Razakmas 2 - Annuar

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) telah memutuskan untuk memberikan keizinan kepada generasi kedua pemilik Perumahan Awam (PA) Seri Labuan untuk memiliki rumah yang sama dengan ibu bapa mereka di Residensi Razakmas 1.

LAGI GAMBAR DI MUKA 12

Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata perkara itu telah diputuskan setelah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak.

"Generasi kedua ini diberi keizinan untuk mengemukakan permohonan untuk membeli rumah pada harga RM198,000 seunit.

"Selain itu, mereka yang sedang menyewa turut dipertimbangkan membeli

unit yang berbaki pada harga sama dan tidak dapat memiliki unit tersebut secara percuma seperti pemilik-pemilik PA Seri Labuan," katanya dalam sidang akbar selepas Majlis Penyerahan Kunci Residensi Razakmas 2 Jumaat lalu.

Majlis tersebut disempurnakan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Hadir sama, Timbalan Menteri Luar, Datuk Kamaruddin Jaafar, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Dalam pada itu, Annuar berkata, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyediakan kemudahan termasuk lori bagi membantu pemilik-pemilik tersebut berpindah ke rumah



ANNUAR (kanan) mendengar taklimat berhubung Residensi Razakmas 2.

baharu.

"Untuk proses perpindahan, mereka boleh guna lori-lori DBKL untuk mengangkat barang dan kemudahan-kemudahan yang ada supaya kos perpindahan

itu menjadi rendah.

"Pada masa sama, kita juga akan beri bantuan kos perpindahan di antara RM3,000 hingga RM7,000 untuk satu rumah," katanya. WK



Tanam bunga berwarna warni

PERNAHKAH anda cuba merenung dan menghayati tanaman di bahu jalan atau pembahagi jalan di ibu negara ketika memandu? Biasanya tempat-tempat ini diserikan dengan tanaman pokok bunga atau pokok hiasan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Selain itu ada juga kawasan bahu jalan atau pembahagi jalan yang tidak ditanam pokok, sebaliknya diserikan dengan 'interlocking bricks' yang cantik terusun dan ada yang berwarna warni.

Tanaman pokok atau 'interlocking bricks' memang boleh menyegarkan mata memandang sewaktu memandu di jalan-jalan Kuala Lumpur yang sentiasa sibuk dan sesak.

Namun jika diperhatikan, kebanyakan pokok yang ditanam adalah pokok hijau dan jenis yang tidak berbunga. Oleh itu pemandangan hanya hijau semata dan kurang meriah.

Oleh itu dicadangkan kepada DBKL apabila menanam pokok bunga, pelbagai tanaman dengan pokok bunga berbagai-bagai jenis yang mengeluarkan bermacam-macam bunga berwarna warni. Ini semua tentu lebih menarik perhatian.

Bayangkan pokok bunga yang mekar mengeluarkan bunga merah garang atau warna merah jambu atau merah hati. Sangat mencantikkan pemandangan sekitar dan mengindahkan bahu atau pembahagi jalan itu sendiri.

Pada masa sama, penyenggaraan sangat perlu dilakukan dengan lebih teliti. Jangan diarkan tanaman tidak terurus sehingga nampak semak. Juga tidak menarik melihat pohon hidup dalam keadaan tanah kering sehingga pokok hidup bagi tidak bermaya. Tentunya aspek ini sentiasa diberi perhatian serius oleh DBKL.

Kedai terbakar, peniaga Datuk Keramat dibela

MALANG bagi para peniaga kedai berederet tepi jalan di pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur apabila kedai mereka kesemuanya musnah dalam kebakaran pada petang Rabu 17 Mac lalu kira-kira pulak 5.32 petang.

Ketika Ramadan bakal menjelang dalam 11 hari lagi, kebakaran ini pastinya satu 'pukulan' kepada para peniaga terlibat. Aktiviti jualan seharian terhenti sedangkan itu adalah sumber pendapatan mereka.

Apatah lagi menjelang Ramadan dan Syawal, di mana jualan dijangka lebih laris, kebakaran ini sangat meresahkan peniaga. Mereka mengharapkan pada bulan puasa dan menjelang Syawal akan beroleh pendapatan lebih.

Suara hati peniaga ini dirasai Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa. Beliau yang turun padang melawat kawasan kebakaran dukacita dengan kejadian yang berlaku dan berusaha mengambil tindakan segera membantu peniaga yang terjejas.

Langkah segera membela peniaga ialah membina semula kedai yang terbakar agar mereka boleh bermula pada bulan Ramadan. Difahamkan kebakaran tersebut melibatkan kedai milik 46 orang peniaga.

Pada masa sama, diharapkan peniaga juga sensitif dengan usaha kerajaan meningkatkan taraf mereka bermula dengan memenuhi ruang niaga lebih moden yang disediakan. Sebelum ini dilaporkan ramai peniaga enggan berpindah bermula ke Keramat Mall yang lebih luas dan selesa.

Datuk Keramat kawasan sibuk. Kedudukan kedai-kedai berederet di tepi jalan membantu menambah sibuk dan kesesakan jalan serta pergerakan di situ. Justeru jika diminta berpindah ke tempat lebih baik dan boleh mengurangkan kesesakan, terimalah dengan positif.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
taikywilayahku@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO


Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran1010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Lailiy Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm886@gmail.com



Nak Ber cuti?

Pusing Selangor Dulu!

Terokai kombinasi terbaik gaya hidup urban serta keunikan alam semulajadi dengan "Pusing Selangor Dulu!"



Tourism
SELANGOR TOURISM MALAYSIA

Nak Ber cuti? #PUSINGSELANGORDULU



@TourismSelangor



www.selangor.travel

Membetulkan maksud Miskin Bandar



BUDIMAN MOHD ZOHDI

150 tahun dahulu sebahagian besar dunia masih dipenuhi belantara. Bandar-bandar utama dengan penduduk lebih sejuta orang masih boleh dihitung dengan jari.

Pada tahun 1900 purata penduduk di 100 bandar utama dunia hanyalah 0.7 juta, meningkat 0.5 juta daripada seratus tahun sebelumnya.

Ia bertambah menjadi 6.6 juta pada tahun 2000 dan pada tahun 2020 melonjak menjadi 9.7 juta. 15 tahun dari sekarang angka itu dijangka berlegar di sekitar 12.4 juta. (Satterthwaite: 2020).

Dalam tempoh 150 tahun itu juga jumlah bandar raya dan bandar baharu yang tumbuh memang tidak terhitung.

Terlalu banyak. Di Malaysia sahaja pun terdapat berpuluhan-puluhan bandar baharu, kecil dan besar, hampir di setiap daerah kalaupun bukan di setiap mukim.

Disebabkan itulah dunia sekarang ini berada dalam apa yang dinamakan 'abad perbandaran'. Ini kerana lebih separuh penduduk dan kegiatan ekonomi tertumpu di kawasan bandar.

Dan kadar itu terus berkembang terutama di negara miskin dan sedang membangun.

Berbeza dengan negara-negara kaya, di mana penghijrah selalunya mempunyai kaitan dengan pelaburan, di negara-negara miskin dan membangun, ia sering dikaitkan dengan kepayaan hidup.

Penghijrah, sama ada dari dalam atau luar negara, adalah golongan yang datang ke bandar dengan harapan dapat membina kehidupan baharu yang lebih baik.

Tetapi apa yang sering berlaku adalah sebahagian daripada mereka turut 'membantu' meningkatkan kadar kemiskinan di bandar-bandar berkenaan.

Kemiskinan lazimnya tidak datang bersendirian. Ia turut membawa bersamanya pelbagai gejala sosial lain, yang membesarkan sebab kenapa ia harus diperangi.

Dalam keadaan biasa, kemiskinan selalunya dikaitkan dengan pendapatan.

Di Kuala Lumpur, sebagai contoh, RM2,216 adalah garis kemiskinannya dan mana-mana isi rumah yang memperoleh pendapatan kurang daripada itu



TAKRIFAN miskin bandar perlu dilakukan mengikut garis panduan IIED.

ditakrifkan miskin.

Jika pendapatannya separuh daripada itu iaitu RM1,110, keluarga tersebut dikategorikan sebagai miskin tegar.

Tetapi banyak pihak berpendapat, kemiskinan bandar tidak selalunya boleh diukur dengan pendapatan semata-mata. Banyak faktor lain yang perlu diambil kira dan boleh dikaitkan dengan kemiskinan bandar.

IIED (International Institute for Environment and Development) sebuah badan kajian dasar bebas misalnya menyenaraikan perkara-perkara di bawah sebagai petunjuk kepada kemiskinan bandar, selain daripada pendapatan:

Kualiti kediaman yang buruk dan perumahan yang sesak; Risiko pengusiran paksa yang tinggi;

Kekurangan bekalan air yang selamat dan mudah didapati; Sistem sanitasi, saliran dan pengumpulan sisa pepejal yang buruk;

Kekurangan akses ke perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan kecemasan dan khidmat kopolisan;

Kesukaran mengakses sekolah atau sistem pendidikan kerajaan; Tinggal di kawasan berisiko tinggi terhadap bencana.

Mana-mana keluarga yang berdepan, atau berada dalam keadaan di atas, dikategorikan sebagai miskin bandar oleh IIED walaupun barangkali pendapatan isi rumahnya melepas garis kemiskinan.

Walaupun jumlah pendapatan boleh dijadikan kayu pengukur dengan mudah, tetapi ia tidak

semestinya tepat.

Terdapat risiko bahawa kadar pendapatan garis kemiskinan itu sengaja direndahkan bagi tujuan-tujuan tertentu; misalnya atas sebab-sebab politik.

Kayu pengukur kemiskinan antara sesebuah bandar dengan bandar yang lain juga seharusnya berbeza kerana kos kehidupan antara bandar-bandar berkenaan juga lazimnya tidak sama.

Menurut IIED garis kemiskinan harus mencerminkan kos sebenar keperluan makanan dan bukan makanan di setiap lokasi, dan sama sekali tidak boleh dibuat secara pulak rata.

Pembetulan tafsiran seperti itu sebenarnya sangat penting. Ia bertujuan mengelakkan sasaran yang salah dalam usaha-usaha pembasmian kemiskinan bandar.

Dalam proses ini penyelaras harus diberi keutamaan. Ia bukan sahaja tentang menyelaraskan fakta dan data, persepsi dan realiti tetapi juga peranan setiap kementerian dan agensi.

Amat sering terjadi percanggahan dan pertindihan tugas antara pihak berkuasa dalam melaksanakan peranan masing-masing.

Menambahkan lagi kekeliruan apabila pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut sama turun padang untuk berbakti; usaha murni yang kadang-kadang tidak membawa hasil seperti yang diharap.

Bukan tidak pernah terjadi mereka yang tidak layak mendapat bantuan menjadi penerima barisan pertama, manakala yang layak pula tidak mendapat apa-apa.

Kerap juga berlaku bantuan dan

“Tetapi banyak pihak berpendapat, kemiskinan bandar tidak selalunya boleh diukur dengan pendapatan semata-mata. Banyak faktor lain yang perlu diambil kira dan boleh dikaitkan dengan kemiskinan bandar.”

sumbangan dilonggokkan kepada kumpulan tertentu di tempat tertentu, manakala kumpulan lain di tempat yang lain berputih mata.

Bagi golongan miskin yang datangnya dari kawasan penempatan tersusun, masalah seperti itu mungkin boleh diatasi dengan menggalakkan peranan pemimpin-pemimpin masyarakat.

Tetapi bagaimana dengan mereka yang mendiami kawasan-kawasan terbiar yang tidak teratur, yang berumah tangga di kaki lima, yang tidak pernah mengenal erti pemimpin dan dipimpin? Kepada siapa mereka hendak mengadu.

Mewujudkan pasukan khas yang diwakili oleh setiap jabatan dan agensi mungkin merupakan jalan keluar terbaik bagi mengatasi kecelaruan sedemikian.

Orang-orang perseorangan terpilih dan pertubuhan-pertubuhan sukarela juga perlu diundang untuk bersama-sama menyertainya.

Pasukan ini harus diberi bidang kuasa, dan dipertanggungjawabkan dalam apa juga usaha menangani masalah kemiskinan bandar.

Ia harus menjadi 'one stop centre' kepada pelbagai perkara, daripada menerima aduan sehingga pelaksanaan program-program basmi kemiskinan dan menyelaraskan projek-projek yang dikenalpasti.

Dengan adanya pasukan sedemikian – tidak kira apa

jugu namanya dan di bawah kementerian mana ia diletakkan – usaha memerangi kemiskinan bandar akan menjadi lebih teratur.

Rakyat miskin pula tidaklah perlu menjadi bola yang ditendang ke jabatan itu dan ke agensi ini; satu keadaan yang menyebabkan sebahagian mereka lebih rela menjadi pengemis di jalanan daripada menjadi pengemis perhatian kerajaan.

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Miskin Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan



GELORA MARHAEN

Di pentas dunia kian suram mimpi serakah mengulit lena nyenyak dalam kantung duka bertambah ramai pelakon berasak-asak menunjuk gaya hipokrasi hero bukan pujaan hati pembantu tidak memahami episod cerita terlupa skrip asal

Fatamorgana hidup antara kebenaran dan kepalsuan lantas melatah terhambur kebenaran di rumah tiada beras bekalan air dipotong bil elektrik tertunda siapa mahu tolong rungai kekusutan melingkar di minda?

Annur Halimah Hakim

UJIAN YANG MENDATANGI

Tidak ada puisi seperit ini pernah aku catatkan saat kematian datang bagi segerombolan helang menyambar ajal tanpa ihsan musnah tanpa cagaran

Kita adalah penerima ujian tidak kenal bebal atau berakal tidak memilih lemah atau kuatnya pegangan satu pelukan bisa fatal menyeduh kesalan

saat langit memata-matai kita bumi menangis diguras bencana takdir tidak bertabir menguji waras manusia

Tuhan, ringankanlah bebanan kami

NOYA BM
Kuala Penyu
16/03/21

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Sampah sarap cemari jalan Tasik Titiwangsa

AWAL pagi Isnin 29 Mac Adi melalui jalan besar Taman Tasik Titiwangsa dalam perjalanan ke Kilinik Kesihatan Kuala Lumpur (KKKL) yang terletak berhampiran dengan taman tasik tersebut.

Terkejut Adi melihat di sepanjang tepi dan bahu jalan besar itu sampah bersepah dan bertaburan sehingga hampir ke simpang jalan masuk ke Stadium Titiwangsa.

Plastik sampah makanan dan minuman bersepah di sepanjang jalan mencemarkan pandangan.

Tong sampah juga membuat tidak dapat menampung sampah. Kemungkinannya sampah ini semua dibuang dan disepahkan pada malam sebelumnya, iaitu malam hari minggu.

Pada pagi Adi melalui jalan itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) belum sempat membersihkannya.

Adi tidak pasti sama ada terdapat pesta pada malam itu atau hanya pengunjung memenuhi jalan.

Yang menjadi isu ialah sikap sangat tidak bertanggungjawab dan pengotor mereka yang membuang sampah sesuka hati.

Langkah buruknya sikap mereka dan amat mamalukan kerana mengotori jalan utama tasik yang menjadi tumpuan ramai berekreasi dan beriadah.

Malah laluan dan bahu jalan di mana sampah bertaburan itu juga adalah laluan orang ramai berjogging selain laluan keluar masuk orang ramai yang hendak ke taman atau kawasan sekitarnya.

Apakah tidak ada langsung sensitiviti untuk mengamalkan kebersihan dan tidak mengotori kawasan tarikan keluarga?

Bagi Adi, jelas tidak ada kesedaran sivik di kalangan sebahagian warga kota. Mereka langsung tidak merasa bersalah membuang sampah sesuka hati.

Taman Tasik Titiwangsa yang telah dinaik taraf adalah kebanggaan ibu kota dan orang awam keseluruhannya sebagai tempat bersantai.

Pelbagai kemudahan bertaraf kelas satu disediakan. Sayangnya ada di kalangan orang ramai yang bermentaliti kelas ketiga, tidak tahu menghargai kemudahan dan keindahan taman yang disediakan.

Malah senario seperti ini boleh dilihat di banyak tempat lagi di Kuala Lumpur. Sampah bertaburan di sana sini, menyakitkan mata memandang dan menusuk hidung dengan bau yang tidak menyenangkan.

Sampai bilakah baru

“Malah senario seperti ini boleh dilihat di banyak tempat lagi di Kuala Lumpur. Sampah bertaburan di sana sini, menyakitkan mata memandang dan menusuk hidung dengan bau yang tidak menyenangkan.”

wujud kesedaran sivik yang tinggi di kalangan warga kota khususnya?

Menjaga kebersihan adalah tanggung jawab semua, bukan hanya diserahkan kepada pihak berkuasa. Berilah kerjasama. Mereka bukan khadam anda.

Cuba fikir, adakah anda jenis yang suka membuat kotor dan menyepahkan sampah sarap dalam rumah sendiri?

Jika tidak, jangan dilakukan kerja tidak bertamadun itu di tempat lain. Jika anda memang jenis pengotor, kotorkan sahaja rumah sendiri. Jangan lakukan tabiat itu di tempat lain.

LANJUTAN WIBB RAHMAT UNTUK PENIAGA

Menurut perancangan asal, program Wilayah Bebas Berniaga (WIBB) yang diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) atas inisiatif menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa, akan berakhir pada 15 April 2021. Program bermula pada pertengahan November 2020.

Namun menjelangnya Ramadan yang dijangka pada 13 April, Annuar mengumumkan program ini akan dilanjutkan sehingga 31 Julai untuk memberi peluang kepada peniaga yang menyertai program ini meneruskan perniagaan untuk meraih pendapatan menjelang



LONGGOKAN sampah hasil buangan orang awam yang mengunjungi taman tasik titiwangsa mencacatkan pemandangan kawasan.

Ramadan dan Syawal.

Ini sejajar dengan matlamat utama WIBB untuk memberi peluang orang ramai dan warga Wilayah Persekutuan khususnya yang minat berniaga membuka gerai atau warung menjual pelbagai jenis barang seperti makanan atau minuman serta barang lain.

Fokus utamanya ialah golongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Seperti yang diketahui, pandemik ini telah mendatangkan kesan serius kepada sektor ekonomi menyebabkan banyak syarikat atau perniagaan gulung tikar atau menghentikan operasi sehingga keadaan bertambah baik.

Akibatnya ramai yang kehilangan sumber pendapatan dan mengharungi hidup sukar, terutama di ibu negara di mana segala-galanya memerlukan wang. Kerana itulah program WIBB diperkenalkan sebagai salah satu cara membantu mereka. Mereka diberi kebenaran

membuka warung atau gerai di lokasi pilihan dengan memohon lesen sementara. Juga syaratnya lokasi tidak mengganggu pergerakan orang ramai, mengganggu kawasan parkir serta tidak mengabaikan kebersihan.

Adi melihat program ini banyak memberi manfaat kepada mereka yang mengambil peluang berniaga di bawah WIBB.

Selain syarat yang mudah, ia dapat membantu golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 khususnya untuk meraih pendapatan bagi menyara hidup.

Namun tempoh enam bulan bagi WIBB ini dirasakan belum mencukupi dan perlu dilanjutkan.

Seperti kata Annuar, walau pun perniagaan dibuka dan pelbagai aktiviti perniagaan dibenarkan, secara keseluruhan penjaja dan peniaga kecil masih bergelut dengan perniagaan yang agak malap, terutama ketika berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan atau Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Oleh itu bagi Adi langkah melanjutkan program WIBB memang tepat untuk memberi lebih ruang masa kepada peniaga untuk memperoleh pendapatan lebih.

Ini sangat relevan khususnya menjelang bulan Ramadan tidak lama lagi, diikuti Aidilfitri dijangka 12 Mei.

Perniagaan di bulan Ramadan dan menjelang Aidilfitri dijangka

meningkat lebih baik daripada waktu biasa.

Ini ditambah dengan hakikat bahawa bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri dibenarkan tahun ini setelah ditiadakan tahun lepas kerana penguatkuasaan PKP.

Kerana itu juga pendapatan peniaga dijangka lebih baik. Pendapatan berniaga ini bolehlah digunakan untuk persiapan Ramadan dan Aidilfitri serta keperluan lain untuk keluarga.

Lanjutan WIBB sehingga 31 Julai adalah rahmat kepada peniaga. Bersyukurlah.

Diharapkan menjelang waktu itu para peniaga sudah menjadi semakin bijak berniaga dan mampu berdiri kukuh. Selepas itu bolehlah berniaga secara tetap pula.

Semuanya ini bermula atas inisiatif dan kerja kuat Annuar dan KWP untuk membela golongan yang memerlukan. Adi percaya para peniaga juga menyedarinya.

Balasan terbaik peniaga kepada usaha KWP dan Annuar ialah berusaha bersungguh-sungguh menjadi peniaga berjaya demi diri dan keluarga.

- Adi Tuah

Adi Tuah

SAJAK

AIR MATA SUNGAI YANG TERTUMPAH

Air mata ini jika disukat tidak memberi laba bermegah kalian sanggup menodaiku kesucian diri kujaga rapi musnah laku tanpa malu menjarah tubuh perawan gebu.

Jernih tidak sekilau kristal aku yang kau perlukan langsungkan kehidupan maya tapi hilang segala ada dadaku didakap perahu kecil mengaut khazanah rezeki di lubuk ikan berenang di celah bakau tercungap menghela nafas berubah tempat berpestaan.

Pandanglah kejadian alam syukuri diberi nikmat Tuhan kekayaanku teruslah berkongsi usah berupac terima kasih pesonaku adalah kurnia-Nya wujudkan sebuah cinta abadi sayangilah aku seadanya setiap makhluk di bumi jangan biar aku begini tertumpah air mata setiap waktu.

RAR RB
Renchong, Muar Bandar

SKETSA



Bukti keprihatinan institusi, Kementerian Wilayah Persekutuan

Pelbagai bantuan disalurkan YWP

SYAHIDI BAKAR

PELBAGAI bentuk bantuan dan sumbangan diagih Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) kepada penduduk tanpa mengira bangsa, dalam usahanya menyantuni keperluan cakna warga di Wilayah Persekutuan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalmizam Zainun** berkata, sumbangan disalurkan meliputi pelbagai bentuk secara berkala itu, membuktikan keprihatinan institusi serta Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) diterajui Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa yang peka kebijakan rakyat.

Beliau berkata, antara bantuan sudah disumbang setakat ini seperti beg sekolah untuk pelajar, agihan beras di samping bantuan kewangan bagi kelompok sasar rakyat khususnya, B40 di semua Wilayah Persekutuan.

"Hari ini (Sabtu), bantuan sebanyak 50 beg sekolah diagihkan kepada anak-anak masyarakat India di Bukit Kiara pada Sabtu.



YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN

di Rumah Panjang, Bukit Kiara sebagai antara usaha YWP cakna kebijakan untuk mereka memulakan sesi persekolahan.

"Secara keseluruhannya sehingga bulan ini (Mac) sebanyak 33,000 beg sekolah telah disumbang yayasan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga Labuan," kata beliau selepas serahan Bantuan Khas YWP untuk penduduk Rumah Panjang dan ERT Bukit Kiara, di Kuala Lumpur.

Program sumbangan khas dijayaan hasil kerjasama MIC itu turut menyaksikan sebanyak 100 kampit beras disumbang untuk setiap keluarga sebagai usaha meringankan beban belanja isi rumah.

Kata Zaizalmizam, bantuan beras dilaksana mulai Februari lalu, menyaksikan lebih 60,000 kampit beras sudah diagihkan kepada warga penduduk di Wilayah Persekutuan termasuk Labuan.



ZAIZALNIZAM (tengah) menyerahkan beg sekolah kepada anak-anak masyarakat India di Bukit Kiara pada Sabtu.

"Bantuan prihatin hasil inisiatif YB Menteri mahu kita cakna keperluan rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19, jadi mulai Februari 20,000 kampit beras diagihkan melalui Bantuan Beras 1.0, diikuti 20,000 lagi pa-

da Mac dan juga jumlah sama pada bulan April," jelasnya.

Aspek kebijakan dan keperluan warga penduduk di Wilayah Persekutuan, kata Zaizalmizam kekal menjadi keutamaan YWP yang selama ini telah merencana

pelbagai bentuk aktiviti dan program yang berpaksikan rakyat.

Katanya, bukan sekadar bantuan keperluan asas, malah YWP juga komited memberikan kehidupan lebih baik untuk warganya termasuk hasil projek pembangunan perumahan yang lebih selesa dan mampu milik.

"Untuk warga penduduk di Rumah Panjang, Bukit Kiara yang telah bersama kita (YWP) sejak lebih 33 tahun lalu, komitmen YWP membangun projek perumahan lebih baik untuk setiap keluarga disini akan diteruskan, cuma pada masa ini kita masih menunggu prosiding mahkamah untuk tentukan."

"Kami juga bersedia patuh setiap prosedur dalam pelan pembangunan ditetapkan DBKL, jaminan untuk warga penduduk, mereka akan tetap dibela sewajarnya termasuk generasi kedua penduduk bakal disediakan perumahan di kawasan baharu dibangunkan dengan menikmati keistimewaan potongan harga sehingga 50 peratus," katanya. **WK**

TFP tawar diskaun 10 peratus kepada petugas kesihatan mula 26 Mac

THE Food Purveyor (TFP) sekali lagi menawarkan potongan 10 peratus bagi pembelian barang runcit kepada petugas kesihatan bermula 26 Mac.

Potongan tersebut diberikan pada setiap hari Ahad sebagai penghargaan kepada petugas kesihatan yang bertungkus lumus menangani COVID-19 serta melaksanakan program rawatan vaksinasi untuk negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Geoff King** berkata, potongan harga yang ditawarkan setiap hari Ahad sejak 18 Januari lalu telah memanfaatkan lebih 1,500 pelanggan.

"Sebelum ini, TFP juga pernah mewarkan potongan harga semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Bersyarat pertama iaitu antara 5 April 2020 hingga 24 Mei 2020.

"Oleh itu, TFP berharap lebih ramai petugas kesihatan akan mendapat manfaat daripada inisiatif ini," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, petugas kesihatan layak menerima potongan harga untuk pembelian yang dibuat di semua pasaran Village Grocer, Ben's Independent Grocer (B.I.G.), BSC Fine Foods dan Pasaraya OTK selepas mereka menunjukkan dokumen identifikasi pekerjaan di kaunter pembayaran.

Ini adalah salah satu daripada inisiatif yang dilaksanakan The Food Purveyor untuk menyokong masyarakat sepanjang tempoh yang mencabar.

Sejak Mac 2020, The Food Purveyor telah menyumbang lebih dari RM200,000 barang makanan selain wang dan men-

jangku lebih dari 1,000 individu daripada komuniti rentan serta amal yang terjejas akibat wabak ini. **WK**



Persatuan 1 Razak Mansion ketengah isu komuniti

KUNJUNGAN HORMAT... Barubaru ini, Persatuan Penduduk 1 Razak Mansion, Kuala Lumpur mengadakan kunjungan rasmi ke pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Kunjungan tersebut diketuai Pengurusnya, **Norazizul Abdul Aziz** bersama empat ahli jawatankuasa 1 Razak Mansion. Menurut Norazizul,

kunjungan itu diadakan untuk mewujudkan perhubungan yang baik antara persatuan dan pengurusan DBKL.

"Antara yang dibincangkan adalah, isu-isu semasa penduduk 1 Razak Mansion termasuk melibatkan operasi dan pentadbiran persatuan," katanya yang turut menzhirkan ucapan terima kasih kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. **WK**



NORAZIZUL (tiga kiri) bersama wakil penduduk bergambar dengan Mahadi (tiga kanan) selepas kunjungan hormat.

REALITI KEHIDUPAN



2-8 APRIL 2021 . BIL 109

Wilayah Ku

RESIDENSI PRIHOTIN WILAYAH PERSEKUTUAN

Rumah untuk golongan muda



AZLAN ZAMBRY

SUNGGUPUN negara berhadapan dengan lambakan harta tanah tidak terjual dengan nilai pasaran melebihi RM20 bilion pada tahun lalu, masalah perumahan terus membenggu warga kota khususnya untuk golongan muda.

Laporan yang dikeluarkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) mengatakan bahawa Kuala Lumpur merupakan antara tiga negeri yang mempunyai jumlah unit kediaman siap tidak terjual paling tinggi di Malaysia dengan 73 peratus daripadanya jumlah keseluruhan di negara ini adalah rumah yang berharga melebihi RM250,000.

Antara faktor lain yang wujud adalah pihak institusi kewangan pula mengenakan kadar pembiayaan hanya 90 peratus dari harga rumah menyebabkan ramai dalam kalangan pembeli terbeban kerana perlu mengusahakan deposit sebanyak 10 peratus menjadikan ramai golongan muda tidak dapat membeli rumah.

BERSAMBUNG DI MUKA 11

**CAKNA
PERUMAHAN
DI WILAYAH PRIHATIN**

Apakah itu RESIDENSI PRIHATIN ?

Rumah Mampu Milik

Untuk golongan belia berpendapatan tidak melebihi RM5,000 sebulan di Wilayah Persekutuan

Bentuk rumah berstrata

3 Bilik Tidur Dapur Yard

2 Bilik Air Ruang Tamu Ruang Makan

Apakah jenis rumah yang ditawarkan di bawah RESIDENSI PRIHATIN?

Apakah perbezaan?

RESIDENSI PRIHATIN & Residensi Wilayah

Pendapatan < RM5,000

Pendapatan < RM10,000 (Bujang) < RM15,000 (Berkahwin)

Harga sehingga RM200k

Harga sehingga RM300k

Keluasan minima 750 kps

Keluasan minima 900 kps

Siapa yang layak memohon RESIDENSI PRIHATIN ?

- Pendapatan kasar bulanan RM5,000
- Permohonan rumah pertama sahaja
- Warganegara Malaysia
- Keutamaan pemohon yang lahir, menetap atau bekerja di
- 18 tahun ke atas
- Tidak maflis

DARI MUKA 9

Rentetan daripada masalah tersebut, kerajaan telah mewujudkan dasar perumahan untuk golongan berpendapatan rendah (B40) bagi memberi peluang kepada mereka untuk memiliki rumah, namun ia masih tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut sekaligus melebarkan lagi jurang pemilikan hartanah dalam kalangan orang muda.

Golongan berpendapatan rendah dan B40 pula terpaksa bergantung kepada pihak kerajaan untuk menyediakan skim rumah mampu milik selain berharap agar kerajaan dapat memperbanyakkan lagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi menampung permintaan.

Bagi mengatasi masalah itu, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memperkenalkan dasar perumahan yang khusus untuk warga kota bagi mengatasi masalah tersebut untuk golongan berpendapatan rendah dan B40. Melalui inisiatif Wilayah Cakna di bawah Kluster Cakna Perumahan, Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa telahpun melancarkan Residensi Prihatin pada 22 Februari lalu yang antara lainnya untuk menyelesaikan masalah perumahan warga kota yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Ketua Setiausaha KWP, **Datuk Seri Rosida Jaafar** berkata, Residensi Prihatin diwujudkan mengambil kira keperluan untuk golongan muda yang baru berkeluarga untuk memiliki rumah pada usia muda sekaligus meningkatkan peluang mereka memiliki hartanah.

“Bagi memastikan kumpulan kiasan yang tepat beroleh manfaat

ini, permohonan Residensi Prihatin ini memberi penekanan kepada pemohon bagi rumah pertama dan masih belum memiliki rumah.

“KWP menyasarkan pembinaan 40,000 unit rumah Residensi Prihatin berharga RM200,000 ke bawah di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Rumah berkenaan yang berkeluasan minimum 70 meter persegi akan dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air, dapur, ruang tamu dan makan serta laman, selain berbentuk rumah berstrata, katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Beliau berkata, demi pembangunan Residensi Prihatin itu akan meliputi kemudahan seperti surau, dewan serbaguna, tadika, taska, ruang niaga, gelanggang badminton, taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta berbumbung bagi memastikan persekitaran hidup yang lebih kondusif serta berkualiti.

KEUTAMAAN KEPADA FRONTLINER

Menurut Rosida, inisiatif tersebut bukan sahaja memberi keutamaan kepada penjawat awam dan mereka yang baru mula untuk membina keluarga, malah petugas barisan hadapan turut di beri keutamaan untuk mendapatkan rumah tersebut.

“Ia terbuka sama ada pemohon tersebut tinggal atau bekerja di Wilayah Persekutuan, dan pihak KWP akan turut mempertimbangkan kepada orang awam yang layak untuk memiliki rumah tersebut,” katanya.



Rosida berkata, bagi memudahkan golongan tersebut memiliki rumah tersebut, KWP sedang mengkaji kebolehlaksanaan pelbagai skim termasuklah mendapatkan pembiayaan pinjaman perumahan 100 peratus.

“Ini akan membantu pembeli terutama pasangan muda yang tidak mampu untuk membayar deposit 10 peratus bagi memiliki kediaman ini.

“KWP turut sedang mengkaji kebolehlaksanaan Skim Pembiayaan *Rent-to-Own* (RTO) bersama beberapa agensi berkaitan dan institusi kewangan yang mana pemohon akan menyewa dengan bayaran tertentu yang kemudian akan ditukar kepada bayaran deposit bagi membantu pemohon golongan B40 untuk memiliki rumah Residensi Prihatin,” katanya.

INSENTIF UNTUK PEMAJU

Beliau berkata, setiap pemaju yang berhasrat untuk melaksanakan Residensi Prihatin akan diberikan beberapa intensif sebagai galakan kepada mereka.

“Antara faedah yang akan diperolehi pemaju yang mahu membantu membangunkan Residensi Prihatin ini akan dikecualikan daripada caj pembangunan 100 peratus tertakluk kepada cadangan pembangunan dan pertimbangan PBT.

“Selain itu, peningkatan kepadatan penduduk juga boleh dipertimbangkan bagi pemajuan 100 peratus komponen Residensi Prihatin adalah sehingga 1,400

orang / 350 unit seekar (ose) yang mana ia tertakluk kepada keputusan PBT.

“Sumbangan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) bagi tujuan pembinaan jalan diberi pengurangan sebanyak 50 peratus berdasarkan jumlah unit RP yang disediakan.

“Pengurangan pengiraan nisbah tempat letak kereta boleh dipertimbangkan untuk projek RP di kawasan pembangunan berorientasikan transit (TOD). Caj levi akan dikenakan oleh PBT ke dalam Tabung Khas untuk kegunaan penyediaan tempat letak kereta awam dan mereka turut akan mendapat laluan khas (*Green Lane*/ keutamaan) bagi urusan permohonan,” katanya.

Tambahnya, setakat ini terdapat empat pemaju yang sedia untuk membangunkan Residensi Prihatin di Putrajaya dan selebihnya adalah tertakluk kepada penyertaan pemaju dalam proses *Request For Proposal* (RFP) yang dilaksanakan oleh PBT.

Rosida berkata, projek Residensi Prihatin ini dijangka bermula pembinaan pada bulan Jun 2021 dan dijangka siap selepas empat tahun iaitu pada tahun 2025 selain pembinaannya akan melibatkan nilai pembangunan yang tinggi.

“Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bagi projek ini boleh dikira dengan mengambil kira harga jualan iaitu tidak melebihi RM200,000 seunit. Justeru, GDV keseluruhan projek untuk 40,000 unit adalah RM8 billion.

“KWP menyasarkan dalam tempoh lima tahun ini, kami akan dapat membina sasaran 40,000 unit Residensi Prihatin. Walau bagaimanapun, perkara ini juga akan mengambil kira permintaan terhadap rumah mampu milik dari semasa ke semasa,” katanya. **WK**

Bagaimanakah untuk memohon RESIDENSI PRIHATIN ?**PERMOHONAN & PENDAFTARAN SECARA ATAS TALIAN**

Melalui Portal
<https://residensiprihatin.kwp.gov.my>

Mula daftar:
23 FEBRUARI 2021

*Dokumen sokongan permohonan hanya dikemukakan setelah projek sedia untuk dijual dan akan dimaklumkan melalui emel kepada pemohon.

Adakah pemohon yang bujang layak untuk memohon RESIDENSI PRIHATIN ?

Ya, layak asalkan pendapatan kasar bulanan Rm5,000 ke bawah.

Berapakah bilangan RESIDENSI PRIHATIN yang akan dibina?

Sebanyak 12,000 unit rumah
bakal dibina di Putrajaya dan akan diteruskan di Kuala Lumpur dan Labuan

Apakah itu pendapatan isi rumah?

Pendapatan isi rumah adalah pendapatan kasar isi rumah (suami & isteri / bujang) iaitu:

- Gaji + Komisen + Elaun-elaun lain

Sekiranya pemohon telah memiliki rumah di Wilayah Persekutuan atau di negeri lain, atau telah membeli Residensi Wilayah, adakah pemohon masih layak untuk memiliki unit RESIDENSI PRIHATIN ?

Tidak layak
hanya untuk pemohon yang masih tidak memiliki rumah.

Adakah pembiayaan disediakan untuk pembelian unit RESIDENSI PRIHATIN ?

Sebarang pembiayaan bagi pembelian unit rumah perlu diuruskan oleh pemohon dengan institusi kewangan berkaitan.

Adakah RESIDENSI boleh disewakan?

Boleh disewakan hanya kepada warganegara Malaysia sahaja (di bawah kawalan House Rules oleh Joint Management Body).

Residensi Prihatin terima 9,000 permohonan

SEJAK mula dilancarkan pada 22 Februari lalu, seramai 8,899 pemohon telah berdaftar di portal Residensi Prihatin yang mula dibuka pada 23 Februari sehingga 16 Mac lalu membuktikan bahawa projek tersebut mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan orang ramai yang mahu memiliki rumah.

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) **Datuk Seri Rosida Jaafar** berkata, jumlah permohonan yang diterima pihaknya sangat menggalakkan sekaligus menunjukkan usaha KWP disambut baik orang ramai khususnya golongan muda di Wilayah Persekutuan.

"KWP sentiasa berusaha untuk menyediakan keperluan perumahan mampu milik untuk warga Kuala Lumpur dan Putrajaya selari dengan kehendak Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

"Selain itu, ia juga merupakan bukti bahawa program perumahan merupakan perkara yang akan diberi perhatian serius pihak KWP," katanya kepada Wilayahku pada Rabu.

Menjelus lanjut, Rosida berkata, program Residensi Prihatin yang dilancarkan itu merupakan kesinambungan daripada program Residensi Wilayah yang telah diwujudkan sejak tahun 2014 akan memberikan kelebihan kepada penduduk Wilayah Persekutuan

untuk memiliki rumah sendiri terutamanya di kawasan bandar.


"Ia juga merupakan perancangan KWP bagi memastikan golongan sasaran memiliki kediaman pada harga yang berpatutan dan memberi kelebihan kepada warga kota untuk memiliki rumah sendiri," katanya.

Rosida berkata, sungguhpun kedua-dua produk perumahan di bawah KWP itu dilihat hampir sama, namun ia adalah dua produk yang berbeza kerana ia melibatkan dua kumpulan sasaran yang berlainan.

Kedua-dua ini adalah Program Perumahan Mampu Milik Wilayah Persekutuan. Residensi Wilayah (RW) adalah merujuk kepada rumah berkeluasan minima 900 kaki persegi dengan harga sehingga RM300 ribu seunit dan sasaran jualan untuk

golongan berpendapatan sederhana, M40 dan ia mula dilaksanakan mulai tahun 2014 hingga kini.

"Residensi Prihatin (RP) adalah merujuk kepada rumah berkeluasan minima 750 kaki persegi dengan harga



sehingga RM200 ribu seunit dan sasaran jualan untuk golongan berpendapatan rendah, B40," katanya.

Rosida memberitahu, pemohon yang berminat untuk berdaftar dalam portal Residensi Wilayah masih dibenarkan mengemukakan

permohonan untuk projek di Residensi Prihatin dengan syarat pemohon belum membuat pilihan projek tertentu.

"Sekiranya telah memilih projek di portal Residensi Wilayah, pemohon boleh membatalkan permohonan

tersebut untuk memohon projek Residensi Prihatin.

"Perkara ini dikuatkuasakan bagi mengelakkan seorang pemohon daripada mendapat dua tawaran rumah mampu milik Wilayah Persekutuan," katanya. **WK**

Pemaju sedia rumah mampu milik untuk warga kota

HAZIRAH HALIM

SEBAGAI syarikat pemaju hartanah terkemuka di ibu negara, Aset Kayamas Sdn Bhd tetap mengutamakan kepentingan orang ramai yang menghadapi masalah untuk membeli hartanah dengan menawarkan rumah mampu milik melalui program Residensi Prihatin di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Pengurus Besar Kumpulan, **Datuk CK Lee** berkata, pihaknya menyahut cabaran dari KWP untuk membangunkan rumah mampu milik di bawah subsidi khusus untuk golongan B40 dan M40 di Kuala Lumpur.

"Kami berpendapat keuntungan sememangnya sebahagian daripada tujuan utama syarikat

yang berorientasi kepada keuntungan, namun dalam masa sama, kami turut memahami kesukaran golongan tersebut yang mahu memiliki rumah.

"Oleh yang demikian, sebagai pemaju hartanah di Kuala Lumpur, kami menyahut cabaran untuk membina sebuah rumah mampu milik kepada warga kota melalui kerjasama dengan KWP sekaligus dapat membantu orang ramai dalam pemilikan hartanah di Kuala Lumpur," katanya kepada Wilayahku pada Jumaat lalu.

Menurut Lee, pihaknya telah bekerjasama dengan KWP sejak dari tahun 2014 untuk menyediakan rumah mampu milik melalui program Rumawip yang kini dikenali sebagai Residensi Wilayah.

"Sejak kami mengadakan kerjasama dengan KWP,

sebanyak 12 buah projek perumahan berstrata telah dilaksanakan di bawah projek Residensi Wilayah dan ia masih dijalankan sehingga kini.

"Melalui kerjasama itu, kami juga bercadang untuk menyertai projek perumahan Residensi Prihatin yang baru sahaja dilancarkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa pada

bulan Februari yang lalu," katanya.

Menurut Lee, tujuan utama pihaknya menjadi pemaju perumahan mampu milik di Kuala Lumpur adalah disebabkan masalah yang sering dialami golongan B40 yang turut terkesan dengan kos sara hidup yang tinggi.

"Selain itu perumahan, mereka



CK LEE

turut berhadapan dengan masalah pengangkutan terutama penduduk yang bermastautin di kawasan-kawasan strategik.

"Justeru itu, sebagai contoh, kami mengemukakan cadangan pembangunan di Perumahan Awam Seri Labuan

melalui program Pembaharuan Bandar atau Urban Renewal yang bertujuan memberikan kehidupan baharu kepada pemilik rumah tersebut.

"Mereka yang telah menduduki rumah PA Seri Labuan sejak 40 tahun lalu akan mula menduduki rumah baharu yang lebih selesa

sekaligus dapat membina keluarga dengan persekitaran yang baik," katanya.

Jelas Lee, untuk menjayakan hasrat KWP, pihaknya turut bercadang untuk membangunkan projek Residensi Prihatin di atas tapak PA Seri Labuan.

"Cadangan ini bersesuaian dengan keadaan dimana ramai yang memerlukan rumah dan tapak tersebut amat strategik dengan kemudahan awam dan pengangkutan awam turut mudah selain dekat dengan pusat bandaraya."

"Selain itu, kami juga telah menyediakan sebidang tanah milik syarikat berukuran 3.4 ekar di Sri Petaling yang turut akan dibangunkan dengan projek perumahan dengan usaha sama KWP," katanya. **WK**



Pembangunan Semula KL Razakmas 2 gah tersergam

**CAKNA
PERUMAHAN**
DI WILAYAH PRIHATIN



NAZIRUL ROSELAN

EMPAT belas tahun lalu, penduduk di flat Seri Labuan, Bandar Tun Razak telah ditawarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membeli unit yang telah disewa mereka selama 26 tahun.

Selepas 40 tahun, keadaan flat Seri Labuan tidak lagi sesuai untuk didiami kerana ruang 450 sehingga 550 kaki persegi menjadi terlalu sempit untuk kehidupan berkeluarga dan memerlukan kos yang tinggi untuk tujuan pembinaan semula.

Disebabkan itu, Kerajaan melalui

Kementerian Wilayah Persekutuan telah merealisasikan pembangunan semula Kuala Lumpur tanpa meninggalkan wargakota dalam pelan pembangunan yang mampan.

Pada 26 Mac yang lalu, seramai 395 pemilik Flat Seri Labuan tersenyum gembira selepas menerima kunci rumah ganti percuma yang lebih besar dan moden di Residensi Razakmas 2.

Majlis Penyerahan Kunci disempurnakan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan diiringi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang diadakan di Residensi Razakmas 2.

Inilah Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin. **WK**



RUMAH ganti di Residensi Razakmas 2 lebih besar dan moden.



WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH PRIHOTIN

Lindung Diri, Lindung Semua.

Imuniti kelompok bermula dengan anda.
Daftar sekarang



JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)



Rasai masakan ibu di bufer Ramadhan THYME OUT

DEEL ANJER

RAMADAN tiba lagi. Banyak hotel atau kafe sekitar ibu negara sudah mula giat mempromosikan bufer Ramadhan yang pastinya menjanjikan pelbagai jenis menu.

Sebut sahaja Ramadhan, pasti kita akan terbayangkan masakan ibu.

Bagi mereka yang merindui masakan ibu di kampung, Kafe Thyme Out by Equatorial adalah lokasi yang amat sesuai untuk pengunjung berbuka puasa.

Thyme Out yang terletak di Bangunan AICB Centre of Excellence, Kuala Lumpur (bersebelahan Bank Negara Malaysia) ini bakal memikat para pengunjung dengan bufer Ramadhan bertemakan masakan ibu iaitu Selera Ibunda.

Selera Ibunda ini menyajikan lebih 100 juadah antaranya adalah Udang Galah Asam Lemak, Kambing Masak Hitam, Nasi Briyani, Daging Salai Masak Lemak, Sup Gear Box, Kari Kepala Ikan, Kambing Golek, Rendang Daging dan banyak lagi.

Bukan itu sahaja, pengunjung juga boleh menikmati hidangan seperti Roti John, Sate Ayam dan Daging, Murtabak, Roti Canai,

aneka sup, aneka but, ulam-ulaman dan banyak lagi.

Apa yang istimewa, ramai yang tidak tahu semua juadah sedap ini adalah hasil air tangan Chef Juzaili yang mempunyai pengalaman lebih 22 tahun dalam bidang kulinari dan perhotelan.


Bagi mana-mana syarikat yang bercadang mahu menganjurkan acara berbuka puasa pula, Thyme Out adalah lokasi yang paling sesuai.

Bangunan AICB di mana terletaknya Kafe Thyme Out menyediakan pelbagai jenis bilik dan dewan yang sesuai untuk apa jua majlis.

Bagi mereka yang sibuk tetapi tidak mahu terlepas merasai masakan ibu, anda boleh bawa pulang atau menggunakan perkidaan penghantaran sepanjang bulan Ramadhan menerusi aplikasi www.degoapp.com.

Bufet Ramadhan Thyme Out bermula dari 14 April sehingga 9 Mei 2021 dari jam 6.30 petang hingga 10 malam.

Harga yang ditawarkan untuk Bufet Ramadhan Selera Ibunda di Thyme Out adalah RM 115 untuk dewasa, RM 57 (kanak-kanak berumur 6 – 12 tahun) dan RM 98 (dewasa) yang membuat pembelian awal dari 31 Mac hingga 12 April 2021. **WK**



Bufet Ramadhan Selera Ibunda di Thyme Out

Alamat: Thyme Out Café, Ground Floor, Bangunan AICB, No. 10 Jalan Dato Onn, Kuala Lumpur
Telefon: 03-26024200
atau whatsapp ke 010-4292776
Emel: thymeout@stfresources.com
Instagram: [@aceconferencecentre](https://www.instagram.com/aceconferencecentre)
Waktu Operasi: 6.30 petang – 10 malam

CHEF JUZAILI

Ke arah merealisasikan Visi Putrajaya Mampan 2025 PPj raih anugerah cemerlang

BERJAYA merangkul dua anugerah unggul iaitu Bandar Mampan dan Kejiranan Hijau (AKH), Perbadanan Putrajaya (PPj) dilihat semakin giat berusaha mengekalkan prestasi cemerlang.

Paling membanggakan, menerusi anugerah Bandar Mampan, PPj berjaya menempatkan diri di kedudukan tangga tiga teratas menerusi skor sistem Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (Murninets) yang

dianjurkan Pusat Murninet Kebangsaan.

Manakala bagi anugerah AKH pula, PPj telah muncul juara melalui anugerah yang diwujudkan di bawah penilaian PLANMalaysia sebagai pengiktirafan di peringkat nasional kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Bagi mengupas lebih lanjut tentang kecemerlangannya, ikuti temubual Wilayahku bersama Pengarah Pembangunan Mampan, PPj, TPr. Norzita Abdul Razak.

kini.

Untuk menilai pencapaian PPj dalam inisiatif ini PPj telah mengambil bahagian dalam siri-siri Anugerah Kejiranan Hijau yang dianjurkan oleh PLAN Malaysia sejak tahun 2011.

Pada tahun 2020, Putrajaya telah berjaya muncul juara iaitu tempat pertama untuk Anugerah Kejiranan Hijau bagi kategori inisiatif penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal untuk Kawasan kejiranan Presint 8.

Apakah kriteria-kriteria penilaian melalui Murninets sehingga Putrajaya merangkul Anugerah Bandar Mampan ini?

Indikator MURNINETS semuanya 39 penunjuk indikator yang dirangkumi dalam enam dimensi utama iaitu Ekonomi Berdaya Saing, Kualiti Persekutaran Mampan, Komuniti Sejahtera, Gunatanah dan Sumber Asli Optimum, infrastruktur dan pengangkutan efisien serta urus tadbir efektif. Putrajaya telah mendapat skor mampan dalam hampir lebih daripada 90 peratus indikator tersebut.

Bagaimana pula dengan kejiranan hijau apakah kriteria yang diambil kira?

Bagi tahun 2020, PPj telah mengambil bahagian dalam Anugerah Kejiranan Hijau kategori inisiatif laluan pejalan kaki dan laluan basikal. Maka antara kriteria yang dinilai adalah dari segi aspek teknikal

pembangunan laluan pejalan kaki dan basikal, aspek keselamatan, kualiti estetika, inovasi teknikal laluan basikal dan pejalan kaki dan juga tren penggunaan.

Selaku PBT yang mentadbir Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Persekutuan Malaysia, apakah cabaran dan perancangan yang perlu diambilkira dalam usaha kelestarian sosial, ekonomi dan fizikal.

Faktor utama untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar fizikal, sosial dan ekonomi adalah dengan amalan kawalan pembangunan yang baik. Amalan kawalan pembangunan yang baik bukan saja mengatur gunatanah pembangunan dengan sistematik, dinamik dan responsif ianya juga dapat menggalakkan pembangunan dengan peraturan gunatanah yang terkawal sebagaimana digariskan dalam pelan pembangunan yang digazetkan.

Pemantauan tapak oleh semua pasukan juga penting dalam memastikan tiada perlanggaran syarat gunatanah dan juga sebarang aktiviti yang menjejaskan kualiti alam sekitar terutamanya bagi kawalan pencemaran Tasik Putrajaya yang indah perlu dipastikan selalu berada dalam keadaan terkawal kualiti airnya.

Faktor kedua adalah

pengurusan operasi terutama penyelenggaraan perbandaran yang berterusan dan berkala, dan inovasi inovasi bagi penjimatan kos serta maklumbalas warga Putrajaya yang diterima juga dapat membantu kerja-kerja penyelenggaraan perbandaran dengan lebih berkesan.

Kini kebanyakan telah beroperasi dan taman-taman ini amat cantik sekali iaitu Taman Botani Putrajaya, Taman Wetland Putrajaya, Taman Warisan Pertanian, Taman Cabaran, Taman Wawasan, Taman Pancarona, Taman Saujana Hijau, Taman Rimba Alam, dan lain-lain.

Di samping itu, Putrajaya mempunyai rangkaian sisiran tasik atau promenade yang menarik dan merupakan sumber riadah untuk warga komuniti dan pengunjung. Cruise Tasik Putrajaya juga harus dicuba oleh semua pengunjung kerana ia dapat memberi gambaran perbandaran menarik semasa menyusuri Tasik Putrajaya.

Apakah harapan PPj untuk kekal berdaya saing?

Pada fasa pertama setelah 25 tahun kini, PPj telah berjaya melaksanakan fungsi pentadbir yang memandu hala tuju pembangunan fungsi pentadbiran kerajaan dengan jayanya. Semua pembangunan fungsi kerajaan telah pun berjaya disiapkan dengan sempurna dan semua jentera pentadbiran telah beroperasi di Putrajaya.

Dalam menjalankan fungsi-fungsi pentadbiran selaku PBT PPj telah berjaya mengekalkan prestasi Putrajaya berada di tahap mampan selama ini dengan kaedah pengukuran sistem indikator bandar mampan Malaysia. **WK**



NORZITA (tengah) bersama tim bahagian Pembangunan Mampan.

Karyawan, AEON bantu 500 penggiat seni



DEEL ANJER

PENGGIAT seni antara golongan yang cukup terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 sejak setahun yang lalu.

Mungkin sesetengah pelakon dan krew sudah boleh menghembuskan nafas lega kerana aktiviti penggambaran boleh diteruskan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Namun, penyanyi dan pemuzik agak terbatas dalam mencari rezeki kerana acara persembahan secara terbuka dan melibatkan penjualan tiket belum boleh diteruskan.

Situasi ini sudah cukup membuktikan bahawa golongan penggiat seni juga seperti masyarakat lain turut terkesan dengan pandemik ini, malah ada yang lebih sukar kehidupannya.

Melihat situasi sukar yang semakin serius ini, Presiden Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan), **Datuk Freddie Fernandez** mengaku turut membantu artis susah dengan mengeluarkan dana sendiri.

Bagaikan orang mengantuk disorongkan bantal, hasrat Karyawan mahu terus membantu para penggiat seni menjadi kenyataan apabila pihak Yayasan AEON Malaysia menyatakan hasrat untuk membantu penggiat seni atau ahli Karyawan yang terkesan dengan pandemik COVID-19.



NORLIA GHANI (dua kanan) menerima sumbangan daripada AEON.

Karyawan akan usaha bantu artis susah

PRESIDEN Karyawan, **Datuk Freddie Fernandez** mengaku tidak pernah berdiam diri dalam membantu penggiat seni yang berada dalam kesempitan hidup.

“Ramai yang menghubungi saya meluahkan kesusahan mereka. Ada waktunya saya mengeluarkan dana sendiri untuk membantu mereka setakat yang saya mampu.

“Apa-apa pun, Karyawan tidak pernah berdiam diri dan sentiasa berusaha membantu artis dan penggiat seni yang susah,” luah Freddie yang berasa bertuah dengan bantuan yang diberikan pihak Yayasan AEON Malaysia.

Menurutnya, sumbangan tersebut terlahir daripada usaha daripada AEON sendiri dan bukan permintaan Karyawan.

Ujarnya, perbincangan sudah dimulakan sejak Januari lalu dan bantuan akan disalurkan bermula Februari sehingga Ogos.

Katanya, ia adalah tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang mana sebelum ini ia dilakukan bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan nilai sumbangan sebanyak RM10,000.

“Setakat ini kita sudah kenal pasti kira-kira 500 penggiat seni dalam kalangan pemuzik, buskers, artis veteran dan pekerja belakang tabir,” katanya ketika ditemui pada majlis Dari Hati ke Hati Bersama Penggiat Seni Tempatan di Taman Tun Dr Ismail, pada 29 Mac lalu.

Ujar Freddie, setiap penerima akan diberikan barang keperluan asas seperti beras, telur, tepung, gula, minyak masak dan lain-lain selama enam bulan.

Antara penerima yang hadir pada majlis itu ialah Norlia Ghani, S Rohani, Ruzilan Omar (pemain dram kumpulan Sons Of Adam), Asheed (vokalis Def-Gab-C) dan Bob Buskers.

Dalam tempoh enam bulan itu, dianggarkan 3,000 paket barang dapur akan diberikan kepada penerima dan nilainya kira-kira RM500,000.

Sementara itu, Presiden Yayasan AEON Malaysia, Datin Yasmin Ahmad Mercan berkata, projek bersama AEON diwujudkan untuk membantu keluarga yang terkesan dengan pandemik COVID-19 terutamanya dari industri hiburan, perhotelan dan penerbangan.

Katanya, menerusi projek itu kira-kira 3,000 buah keluarga dari tiga industri tersebut akan menerima sumbangan barang keperluan dapur sepanjang tempoh dua hingga enam bulan.

“Sebagai sebuah Yayasan, kami akan meneruskan lagi program-program yang bersesuaian dengan objektif komuniti kami. Insya-Allah kami akan melakukan yang terbaik dan berazam untuk memberi lebih banyak sumbangan pada tahun ini dan tahun hadapan kepada mereka yang memerlukan,” katanya.



FREDDIE FERNANDEZ

Norlia Ghani akui hidup perit selepas sumber rezeki tertutup

PELAKON veteran popular **Norlia Ghani**, 72, menyatakan penularan pandemik COVID-19 sangat mencabar kehidupannya.

“Dalam keadaan sekarang, kami turut terkesan dengan COVID-19 dari awal pandemik sehingga sekarang.

“Saya akui hidup agak teruk. Bercakap pasal lakonan, dengan usia sekarang tidaklah selaris bakat-bakat muda. Jadi tawaran itu kurang.

“Dalam tempoh tersebut, saya merasakan keperitannya kerana sumber rezeki tertutup. Kalau ada tawaran pun agak terbatas kerana ketika itu agak sukar untuk keluar kawasan,” katanya.

Menzahirkan kesyukuran atas sumbangan yang diterima, ujar Norlia, bantuan tersebut amat bermakna baginya terutama dalam keadaan sukar masa ini.

“Sekarang kes COVID-19 sudah banyak berkurang, jadi banyak kelonggaran untuk meneruskan lakonan dengan mematuhi SOP (prosedur operasi standard).

“Ada rakan-rakan lain berniaga online, saya ni tak pandai online. Itu mungkin menyebabkan saya susah sikit berbanding yang lain,” katanya lagi. **WK**



NORLIA GHANI

365 Hari aspirasi dan cabaran Mohd Zuki Ali



DIANA SYUHADA
MOHD AMIR

KARIERNYA bermula dengan pergolakan politik, penularan pandemik COVID-19 yang mengheret kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan disusuli cabaran berdepan dengan ekonomi yang perlahan.

Tan Sri Mohd Zuki Ali dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang ke-15 dengan limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI pada 1 Januari 2020.

Naskhah *365 Hari: Aspirasi dan Cabaran Mohd Zuki* memaparkan kumpulan amanat, ucaptama dan ucapan serta turut diperjelas menerusi wawancara dan artikel media yang bersesuaian bagi menggambarkan permulian hasrat dan cetusan idea oleh beliau sebagai pemimpin utama sektor awam di Malaysia.

Buku ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian satu adalah koleksi ucapan beliau kepada penjawat awam terutamanya. Di bahagian ini juga beliau memperkenalkan mengenai prinsip FASTER bagi memenuhi keperluan rakyat pasca-COVID-19.

Rentetan PKP yang dilaksanakan, kadar pengangguran telah meningkat kepada 5.3 peratus pada suku pertama 2020. Oleh itu,



TAN SRI MOHD ZUKI ALI (tengah) bergambar bersama kepimpinan tertinggi JPM, JPA dan DBP selepas majlis pelancaran buku beliau di Bora Ombak marina Putrajaya baru-baru ini.


perkhidmatan kepada rakyat perlulah pantas dan lebih tersusun dan untuk mencapai perkara tersebut, penjawat awam mestilah memegang kepada prinsip FASTER yakni Flat, Agile, Streamline, Tech-enabled, Efficient dan Resilient.

Flatter membawa maksud di mana setiap jabatan perlu bersifat lebih terbuka tanpa perlu ikut dan terikat pada peraturan yang lapuk dan terkongong dengan pelbagai kerentan birokrasi. *Agile* di mana penjawat awam perlu lebih fleksibel dan responsif dalam pelaksanaan sistem dan proses kerja.

Dalam prinsip tersebut, *Streamline* bermaksud setiap jabatan perlu lebih sensitif dan adaptif dengan perubahan serta keperluan semasa dan kehendak rakyat dan pemegang taruh (*stockholders*). Memanfaatkan teknologi digital serta perubahan zaman yang dikemudi oleh Revolusi Industri 4.0 dalam penyampaian Perkhidmatan Awam merujuk kepada maksud *tech-enabled*.

Setiap pelaksanaan inisiatif mesti dilakukan dengan efficient dan cekap kerana melakukan kesilapan semasa Negara masih berada dalam tempoh pemulihan akan lebih banyak mendatangkan kerugian. Yang terakhir ialah *Resilient* di mana mengajak semua penjawat awam untuk kekal teguh bersama-sama kepimpinan Perkhidmatan Awam untuk merealisasikan strategi yang digariskan oleh kerajaan seperti inisiatif PRIHATIN dan PENJANA.

Manakala bahagian II adalah koleksi artikel dan wawancara beliau. Antara soalan yang ditanya adalah mengenai inisiatif kerajaan



dalam memulihkan ekonomi negara. Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar di mana ekonomi negara tumbuh secara sederhana sebanyak 0.7 peratus dan indeks harga pengguna pula menurun 1.3 peratus pada Julai 2020 akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Kadar pengangguran juga turut meningkat.

Sejumlah RM1.5 billion diperuntukkan untuk sektor swasta menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan belia. Kerajaan juga turut memperuntukkan sebanyak RM2 billion untuk program peningkatan kemahiran dan pengisian semula dalam memastikan golongan belia lebih bersiap sedia dan memenuhi permintaan industri dari segi kemahiran.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Sri Reezal Merican Naina Merican telah melakukan pelbagai usaha termasuk inisiatif kolaborasi rentas kementerian yang diterajui Kementerian Belia dan Sukan dengan Kerjasama Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Nasional Berhad (PUNB).

Kolaborasi ini bertujuan untuk membimbing dan memberi sokongan kepada golongan belia dalam aspek keusahawanan. Antara program yang akan dijalankan adalah Skim Perantisan Nasional (SPN), program myGIG dan lain-lain.

Secara keseluruhan, naskhah sulung Zuki Ali ini membincangkan mengenai cabaran serta inisiatif yang telah beliau lakukan sepanjang menjadi KSN serta cadangan dalam membantu memulihkan ekonomi negara. Pelbagai pengalaman yang beliau 'terpaksa' alami sejurus dilantik menjadi KSN namun ianya tidaklah mematahkan semangat beliau dalam membantu memulihkan ekonomi negara. **W.K**



SAJAK KEKASIH AYAHANDA DAN PERMATA BONDA

Suara tangisan bahagia didakap mesra pangkuan bonda sebuah cinta lahir dari rahim disambut dengan penuh berahi.

Kelahiranmu umpama kanvas salju hanya menanti masa dan waktu bagi dironakan dengan budi dan ilmu sebelum meninggalkan ambin ibu.

Kelak usia menyapa dewasa usah dilupa pundak ayahanda yang sasa pendengar setia mendengar rintihan kepenatan bersama membahui bebanan.

Oh...dinda kesayanganku engkaulah kekasih ayahanda yang syahdu kirana di atma engkaulah permata bonda yang sentiasa berbinar di mata.

Lim Wei Wen
Universiti Teknologi Malaysia
20 Mac 2021

Dengan pemadam atau dengan menggunakan pemadam?

SOALAN:

Adakah ketiga-tiga ayat di bawah ini gramatis?

1. Arif memadam papan tulis dengan menggunakan pemadam.
2. Arif memadam papan tulis dengan pemadam.
3. Arif memadam papan tulis menggunakan pemadam.



PELITA BAHASA

SIRI 11 2021

tersebut mestilah betul dari segi tatabahasa dan betul dari segi makna. Dalam hal ini, ada ayat yang kelihatan betul kerana ada subjek dan predikat, tetapi tidak betul dari segi makna. Lihat ayat contoh yang dikemukakan:

1. Karangan ini membincangkan punca-punca semangat kejiranan semakin longgar di negara kita.

Dalam bentuk pasif, ayat tersebut dapat diujarkan seperti yang berikut:

- 1a. Punca-punca semangat kejiranan semakin longgar di negara kita dibincangkan oleh karangan ini.

Cuba bandingkan ayat 1 di atas dengan ayat 2 di bawah:

2. Karangan ini tentang punca-punca semangat kejiranan semakin longgar di negara kita.

Jika kita meneliti kedua-dua ayat tersebut, ayat 1 betul dari segi tatabahasa kerana ayat tersebut mempunyai subjek dan predikat.

Namun demikian, ayat 1 tersebut tidak betul dari segi makna. Hal ini dikatakan demikian kerana karangan tersebut bertindak seperti manusia yang boleh berkata-kata sehingga mampu membincangkan sesuatu. Ayat yang sepatutnya diujarkan ialah ayat 2.

SOALAN:

Adakah ayat di bawah ini gramatis?

1. Karangan ini membincangkan punca-punca semangat kejiranan semakin longgar di negara kita.

Daripada:
Muhammad Zarem
Semenyih, Selangor.

JAWAPAN:

Gramatis bermaksud betul dari segi tatabahasa dan makna. Oleh itu, ayat yang gramatis ialah ayat



SILA IMBAS KOD QR
UNTUK MEMBACA
VERSI PDF MAJALAH
DEWAN BAHASA
DAN DEWAN
SASTERA SECARA
PERCUMA.



DEWAN BAHASA



DEWAN SASTERA

Denai Kebangsaan di Sungai Kinabenua



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SUNGAI Kinabenua di pulau ini bakal diiktiraf sebagai sungai Denai Kebangsaan sekali gus menjadikannya sebagai salah satu lokasi tumpuan pelancongan dari luar dan dalam negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dr Fary Akmal Osman berkata, sebelum ini pihaknya menerima peruntukan sebanyak RM1.75 juta daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi menaik taraf

Sungai Kinabenua.

Katanya, dengan peruntukan itu Sungai Kinabenua dinaik taraf sebagai eko pelancongan seterusnya menjadikannya sebagai Sungai Denai Kebangsaan.

"Sehingga kini, Labuan mempunyai 1.24 kilometer kepanjangan denai sungai di dua sungai iaitu Sungai Gersik (540 meter) dan Sungai Batu Arang (700 meter).

"Ia menjadikan tambahan kepada khazanah Labuan yang perlu dijaga dan dipelihara oleh masyarakat setempat.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Program Gotong-Royong Denai Sungai Kebangsaan sempena Sambutan Hari Air Sedunia di

Denai Sungai Gersik di sini, pada Sabtu lalu.

Mengulas mengenai program itu, Fary berkata inisiatif itu merupakan satu langkah dalam mencegah pencemaran menerusi pendekatan kawalan berasaskan alam semula jadi.

Jelasnya, pendekatan itu mampu mendidik masyarakat agar menyayangi sungai sebagai sumber semulajadi yang perlu dijaga.

"Pembinaan denai dan taman di kawasan rizab sungai juga secara tidak langsung mampu menggalakkan penglibatan orang ramai, komuniti setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari aspek pengawasan, pemeliharaan serta keindahan sungai," katanya. WK



FARY (depan, dua dari kanan) merasmikan Program Gotong-Royong Denai Sungai Kebangsaan sempena Sambutan Hari Air Se-Dunia anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Denai Sungai Gersik pada Sabtu lalu.

RTM cakna komuniti senergi berjaya kutip 553 kilogram sampah

SEBERAT 553 kilogram sampah di sekitar Geotapak Tanjung Batu berjaya dikutip menerusi Program RTM Cakna Komuniti Sinergi LABUANfm HiPicking, baru-baru ini.

Pengarah Penyiaran Labuan, Aminah Samsudin Mohd berkata, antara objektif pelaksanaan program adalah menunjukkan kecaknaan terhadap kepentingan menjaga alam sekitar kepada komuniti.

"Secara tidak langsung ia sebagai aktiviti riadah dan mempromosikan lokasi program sebagai tempat beriadah di samping mengamalkan 'flogging culture' iaitu bersiar-siar sambil mengutip sampah."

"Program itu juga dapat memupuk budaya tololong menolong sesama masyarakat serta berganding bahu dengan agensi kerajaan yang lain serta swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Beliau berkata demikian



AMINAH (depan) bersama kakitangan RTM dan peserta mengutip sampah di sekitar Geopark Tanjung Batu pada Sabtu lalu.

kepada pemberita ketika merasmikan program itu di Geotapak Tanjung Batu pada Sabtu lalu.

Program itu turut disertai seramai 50 peserta dan mendapat kerjasama daripada Kumpulan Eco Alfa Go SMK Mutiara, Tourism Malaysia dan Muzium Labuan.

Dalam pada itu, jelas beliau pilihan lokasi bagi program itu dibuat ber-

dasarkan keunikkan tempat itu sendiri.

Katanya, batu pasir fomasi belait yang berusia 15 tahun hingga 5 juta tahun dan batuan syal formasi Temburong berusia 33 tahun hingga 15 juta tahun yang membentuk sebahagian sistem petroleum tersingkap di pesisir pantai yang menghasilkan landskap pemandangan indah. WK



SEBANYAK 553 kilogram sampah di sekitar Geopark Tanjung Batu dikutip menerusi program RTM Cakna Komuniti Senergi LABUANfm.



RITHUAN (kanan) merasmikan bar kod pendaftaran vaksin COVID-19 di Program Taklimat Isu-Isu Semasa dan Pemvaksinan COVID-19 peringkat Labuan di Labuan International Golf Club (LIGC).

Penjawat awam diseru daftar Vaksin COVID-19 segera, sebar mesej positif

SEMUA penjawat awam di pulau ini diseru agar mendaftarkan diri bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dengan kadar segera bagi memberikan contoh kepada masyarakat mengenai pengambilan vaksin yang disediakan dengan percuma oleh pihak kerajaan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Perbandaran Labuan (PL), Rithuan Ismail berkata, penjawat awam perlu memainkan peranan dalam menyebarluaskan nilai-nilai positif dan mesej-mesej yang penting kepada masyarakat di semua peringkat.

"Kita perlu ingatkan saudara-mara dan rakan-rakan untuk turut serta dalam program imunisasi ini, pastikan kita hadir pada waktu yang ditetapkan kerana apabila diri kita dilindungi, kita juga dapat melindungi yang lain terutama orang yang disayangi," katanya dalam ucapan perasmian Program Malaysia Prihatin: Taklimat Isu-Isu Semasa Dan Pemvaksinan COVID-19 peringkat Labuan di Labuan International Golf Club (LIGC) pada Sabtu.

Dalam pada itu, beliau yang juga Pengurusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan menyeru semua pihak agar terus memperkasa amalan pembudayaan norma baharu dalam kehidupan kita seharian

dengan meningkatkan kesedaran kawalan kendiri.

"Kita perlu menganggap diri kita semua sebagai petugas barisan hadapan yang sentiasa mematuhi SOP sedia ada. Kita juga perlu sentiasa berwaspadai untuk mengelakkan daripada wujudnya kluster-kluster baharu yang menyebabkan peningkatan kes-kes positif COVID-19 di negara kita," katanya.

Dalam program itu, beliau turut merasmikan bar kod yang diwujudkan atas inisiatif Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Labuan.

Jelasnya, kaedah bar kod itu hanya terpakai di Labuan sahaja dan ia akan diletakkan di kawasan-kawasan yang strategik di sekitar Labuan.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Penerangan (JaPen) Labuan, Supian Musa; Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Labuan, Dr Ismuni Bohari dan Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan, Amiril Hadi Idham.

Terdahulu, program itu dianjurkan JaPen dengan kerjasama KPDNHEP yang membabitkan seramai 70 orang pengarah setiap jabatan bagi memberikan taklimat mengenai isu-isu semasa dan pemvaksinan COVID-19. WK

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Tiada duit bayar bil elektrik, dua tahun bergelap

SYAHIDI BAKAR

KESUSAHAN hidup yang dihadapi Mohd Shuhardi Ahmad dan isteri yang tidak bekerja di atas faktor kesihatan akibat masalah Severe Thalasemia dan ACL terbelak akhirnya apabila Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 5, Bandar Tun Razak tampil membantu.

Pasangan yang dikurniakan lima cahaya mata itu, sebelum ini bergantung kepada bantuan RM400 sebulan daripada Baitulmal untuk kelangsungan hidup telah memaksanya keluarga ini tinggal dalam kegelapan tanpa bekalan elektrik dan sumber air sejak lebih dua tahun lalu.

Pengerusi MPPWP Sub Zon 5, Bandar Tun Razak, **Farouk Mohd. Noor** berkata, tindakan memotong bekalan terpaksa diambil setelah mereka gagal melunaskan tunggakan kedua-dua bil mencecah RM10,000 akibat

ketidaaan pendapatan.

Katanya, setelah dimaklumkan oleh penduduk setempat mengenai nasib keluarga ini, pihaknya telah segera bertindak dan membuat lawatan ke rumah mangsa yang tinggal di Desa Tun Razak, mendapati kehidupan keluarga ini amat daif dan serba memerlukan.

"Hasil makluman jiran-jiran terdekat, kami telah ke rumah mereka dan mendapat keadaan hidup pasangan suami isteri dengan lima anak kecil, amat menyentuh hati. Mereka bukan sahaja bergelap tanpa elektrik malah turut tidak mempunyai air untuk kegunaan harian sejak dua tahun lalu.

"Selain menyampaikan sedikit bantuan barang keperluan dapur dan tunai, kami di pihak MPPWP Sub Zon 5 akan panjangkan perkara ini kepada agensi berwajib termasuklah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta pihak Dewan Bandaraya Kuala



FAROUK (tengah) ketika membawa keluarga Mohd. Shuhardi (kanan) untuk membeli peralatan rumah.

Lumpur (DBKL) untuk diberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada mereka.

"Saya juga akan berbincang

serta bekerjasama dengan Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak untuk mencari solusi bantu meringankan beban keluarga ini,

termasuklah keperluan sekolah bagi anak-anak mereka," katanya ketika berkunjung ke rumah mangsa, di Desa Tun Razak, baru-baru ini.

Farouk diiringi Ahli Jawatankuasa MPPWP Sub Zon 5, turut meluangkan masa membersihkan kediaman tersebut bagi tujuan keselesaan hidup mereka sekeluarga.

Orang ramai yang prihatin terhadap nasib dialami keluarga ini dan berhasrat menyalurkan bantuan bagi meringankan beban mereka, boleh terus hubungi Mohd Shuhardi di talian 017-3698103.

"Moga dengan adanya bantuan serta sumbangan daripada orang ramai yang prihatin, kehidupan mereka sekeluarga dapat diperbaiki seterusnya memberi sinar masa depan yang lebih baik," ujar Farouk yang berjanji akan memantau kehidupan mereka sekeluarga dari semasa ke semasa. WK

Usahasama tiga pihak jayakan bantuan Foodbank untuk PPR Intan Baiduri

HASIL kerjasama MyCARE, Yayasan Hasanah dan Persatuan Penduduk PPR Intan Baiduri, Kepong telah berhasil menjayakan sumbangan Foodbank kepada warga penduduk memerlukan di kawasan terabit.

Menurut Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Intan Baiduri, **Khairul Anuwar Yusoff**, usahasama dibentuk menyaksikan MyCARE terlibat di dalam pengurusan sis dengan penglibatan penduduk manakala Yayasan Hasanah pula pembawa dana bagi pelaksanaan program berkaitannya.

Selain itu katanya, Yayasan Hasanah sendiri turut memperuntuk kira-kira RM6,000 untuk membeli barang keperluan basah dan kering untuk diagih kepada 100 penduduk yang memerlukan, layak menerima beras, gula, tepung, bawang, minyak masak dan lain-lain.

"Selain sumbangan Foodbank, program ini yang berteraskan kaedah pertukaran barang sebagai usaha menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula.

"Caranya MyCARE akan agih barang keperluan kepada sesiapa sahaja



SEBAHAGIAN penduduk PPR Intan Baiduri tidak melepaskan peluang untuk menukar sisa bungan dengan barang keperluan, hasil inisiatif oleh MyCARE.

penduduk dapat memberi tiga kilogram barang kitar semula akan layak untuk menerimanya. Jadi secara tidak langsungnya jadi rangsangan untuk penduduk amal kaedah asing sampah dan kitar semula," katanya.

Sementara itu, selain botol, plastik, kotak, kertas dan lain-lain, antara produk kitar semula paling diutamakan ialah minyak masak terpakai kerana sisa buangan tersebut berpotensi bagi digunakan semula untuk diproses menjadi sabun cucian.

Bagi Pengerusi PPR Intan Baiduri, Rashid Samad, program rintis dilaksanakan amat kondusif serta bermanfaat bagi mewujudkan kesedaran

tentang kebaikan kitar semula yang berpotensi menjana hasil daripada sisa buangan.

"Menariknya, melalui program ini membolehkan 10 orang penduduk terpilih mengikuti latihan serta demonstrasi membuat sabun cuci pinggan yang dikendalikan MyCARE.

"Ini pastinya wujudkan minat mendalam kepada masyarakat untuk terus mengamal kitar semula. Bukan sahaja boleh dapat barang dapur sebagai pertukaran malah turut diberikan kemahiran yang bermanfaat dipelajari penduduk," katanya yang menggalakkan program seumpama diteruskan dari semasa ke semasa. WK



AZIZULRAHMAN (tengah) ketika merasmikan penutup Kursus Keusahawanan Wanita 2021, di Desa Pandan, 28 Mac lalu.

60 wanita sertai Kursus Keusahawanan 2021

KURSUS Keusahawanan Wanita 2021 merupakan salah satu program dianjur menerusi Projek PINK berjaya menarik penyertaan 60 wanita daripada pelbagai kelompok masyarakat mahupun kerja.

Program dilaksana Majlis Perwakilan Penduduk (MPPWP) Sub Zon 5, Titiwangsa menerusi Biro Wanita, Keluarga & Pendidikan, diketuai Sharifah Zarina itu berlangsung kondusif apabila peserta memberi maklum balas positif pengisian kursus yang menyajikan pelbagai asas keusahawanan.

Pengerusi MPPWP Zon itu, **Datuk Azizulrahman Mohd Hussain** turut memuji inisiatif yang diambil dengan menyifatkannya antara pendekatan tepat ke

arah mempersiapkan para peserta menceburi bidang keusahawanan.

Beliau berkata, peserta bakal bergelar usahawan perlu terus cekal dan kental berusaha kerana di dalam perniagaan cabarannya berbeza dan tidak statik malah melangkaui batas masa.

"Harus diingat, dalam bidang perniagaan ini kita tidak mungkin akan berakhir dengan perniagaan yang sama sahaja, sebaliknya mungkin kita perlu cuba dan terus mencuba pelbagai cabang niaga sebelum berjaya.

"Paling penting kena berusaha dan jangan mudah putus asa, belajar selok-belok berniaga, selalulah dapatkan nasihat yang lebih pakar bagi memaju

dan mengembangkan perniagaan," katanya ketika penutup Kursus Keusahawanan Wanita 2021 di Dewan KWK Desa Pandan, Kuala Lumpur.

Hadir sama, Pengerusi MPPWP Sub Zon 5, Mohd Hedzer Ibrahim yang mahukan penduduk sekitar Maluri terutama wanita dapat memanfaat aktiviti dilaksana melalui Projek PINK untuk meneroka peluang menjana rezeki keluarga masing-masing.

Selain kursus keusahawanan program mulai 10 pagi hingga 5 petang itu turut diisi slot taklimat ringkas berkenaan kepentingan untuk mengambil vaksin bagi mengelak pandemik COVID-19 terus menular dan berjangkit. WK

**Soalan**

Assalamualaikum, semoga SS Mufti dapat berikan pencerahan. Amat dukacita sekali kerana ada sebahagian surau di RnR dan lebuhraya yang tidak dibuka dalam tempoh PKP. Ini amat membimbangkan saya sebagai seorang Islam di Malaysia yang menunaikan solat lima kali sehari sedaya upaya. Saya merasakan diri saya berdosa kerana tidak dapat menunaikan solat di masjid ataupun surau. Jadi, bagaimanakah caranya untuk saya menyelesaikan masalah ini. Mohon penjelasannya, terima kasih.

Huraian Jawapan

Merujuk kepada persoalan yang diajukan, kami memulakan jawapan dengan memetik firman Allah SWT,

Maksudnya: Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah.

Surah Al-Taubah (18)

Dalam mentafsirkan ayat ini, Imam Al-Qurtubi telah menukilkan pandangan golongan salaf yang menyarankan agar umat Islam sentiasa berbaik sangka terhadap orang yang mengimarahkan masjid. Ia adalah bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abi Said Al-Khudri R.A bahawa Rasullullah SAW bersabda:

Maksud: Apabila kamu melihat seseorang yang sentiasa pergi ke masjid maka bersaksilah keimanan untuknya.

Riwayat Imam At-Tirmizi (1060)

Tambahan pula, mantan Sheikhl Azhar, almarhum Syeikh Sayyid al-Tantawi pula memberikan definisi orang yang mengimarahkan masjid sebagai mereka yang benar-benar beriman kepada Allah SWT dengan hati yang penuh ikhlas, berdasarkan petunjuk daripada Baginda SAW.

(Rujuk Tafsir al-Wasit Li Tantawi: 6/228)

Petunjuk-petunjuk seperti di atas menjelaskan kepada kita bahawa tidak kira apa situasi yang berlaku sekalipun, sama ada diberi keizinan ataupun tidak untuk hadir ke masjid, ia sewajarnya tidaklah sampai ke tahap menjelaskan semangat, kecintaan serta kerinduan untuk hadir ke rumah Allah. Sebaliknya, segala perasaan tersebut perlu dikekalkan sebagai persediaan menjelang pembukaan semula masjid dan surau nanti.

Justeru, berikut adalah beberapa saranan kami :

Isu tempat solat ditutup sepanjang pelaksanaan PKP

1) Melihatnya dari sudut Tawakkal

Penyebaran virus COVID-19 telah mencetuskan pelbagai polemik dan persoalan dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggesa agar semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (mass gathering) ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku.

Hal ini demikian kerana, jika dibiarkan berlakunya perhimpunan beramai-ramai tanpa sebarang kawalan, maka ia sangat berisiko untuk membawa kepada kemudaratkan wabak. Walhal, syariat Islam sentiasa menolak sebarang bentuk kemudaratkan berpandukan kaedah-kaedah fiqh seperti:

Maksudnya: Tidak boleh mudarabah dan tidak boleh memudarabatkan.

Riwayat Ibn Majah (2341)

Maksudnya: Menolak kemudaratkan itu lebih utama daripada mendapatkan maslahah.

Oleh itu, menjadi sunnatullah agar kita terus berusaha dan mencari sebab bagi melaksanakan sesuatu atau mengenal sebarang bentuk penyakit. Seterusnya, dapat mencari ikhtiar terbaik untuk merawat penyakit tersebut.

2) Jangan sesekali menakutkan masyarakat dengan berita yang tidak tepat

Antara nas yang masyhur boleh dijadikan pedoman hidup berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

Surah al-Hujurat (6)

Hal ini bertepatan dengan hadis daripada Ibn Umar R.Anhuma, bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: Sesiapa yang membawa senjata untuk menakut-nakutkan kami, maka dia bukan daripada kalangan kami.

Riwayat Bukhari (6874)

Imam al-Nawawi menyatakan bahawa hadis ini memberi maksud perbuatan membawa senjata untuk menakutkan orang ramai bukanlah daripada



AHLI Jawatankuasa masjid menandakan kawasan jemaah dan mengikut SOP yang ditetapkan.

amalan kami.

Ia termasuklah juga menakutkan orang dengan maklumat palsu yang menjadikan masyarakat panik, takut dan bimbang.

Begitu juga sebarang maklumat yang menggerunkan tanpa usul periksa sedangkan hakikat sebenarnya adalah berlainan.

Lantaran itu, mengatakan keputusan kerajaan untuk menangguhkan pembukaan masjid dan surau adalah bercanggah dengan syarak merupakan dakwaan yang kurang tepat dan tidak berasas. Sebaiknya, sebagai orang awam, kita perlu mengambil sikap bersederhana di samping tidak sesekali melunturkan semangat untuk berkunjung ke rumah Allah suatu hari kelak.

3) Alternatif tempat solat

Antara syarat sah solat seperti bersuci daripada hadas, suci daripada najis pada pakaian, menghadap kiblat, menutup aurat dan masuknya waktu solat. Jika hilang salah satu daripada syarat ini maka terbatal solatnya.

Begitu juga disyaratkan supaya suci badan, tempat solat dan pakaian seseorang itu daripada segala najis. Firman Allah SWT dalam surah al-Muddathir ayat 4:

Maksudnya: Dan pakaianmu, maka hendaklah engku bersihkan.

Oleh yang demikian, sebelum diumumkan apa-apa taklimat atau sebarang perubahan terhadap ketetapan sedia ada, maka bagi masyarakat yang pekerjaannya banyak di luar dan tiada tempat khusus untuk solat ataupun mereka yang berada dalam

solat supaya dapat solat di tempat tertutup dan terlindung daripada pandangan ajnabi lantas mengelakkan sebarang fitnah.

Walau bagaimanapun, sekiranya tiada tempat tertutup dan risau waktu solat akan terlepas, maka diharuskan untuk solat di tempat terbuka di samping memastikan anggota badan tertutup dengan sebaik mungkin.

Pendirian ini bersandarkan pendirian Nabi Muhammad dalam hadis Ummu 'Athiyyah tatkala baginda menyeru semua wanita perawan dan lain-lain untuk turut serta solat hari raya. Seperti yang sedia maklum, solat ketika itu dilakukan di tempat yang terbuka.

Kesimpulannya, kerajaan berperanan untuk menyemak segala tindakan yang diambil dan sejawarnya perbaharu setiap ketetapan sekiranya keadaan bertambah baik termasuklah pembukaan semula rumah-rumah Allah dengan SOP yang ketat memandangkan kita sudah masuk di fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Akhir kata, marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah permudahkan urusan umat Islam sedunia dan hilangkan segala wabak dan virus agar umat Islam khususnya dapat mengimarahkan kembali rumah-rumah Allah lantas memartabatkan syiar agama Islam.

RM1.2 BILION BANTUAN TAMBAHAN UNTUK PKS MIKRO

PEMERKASA

Melalui Geran Khas Prihatin (GKP) 3.0

Bertujuan ringankan beban kewangan untuk qatikan semula perniagaan

PKS mikro yang layak akan terima secara one-off **RM1,000**

Penerima GKP 1.0 & 2.0 akan terima bayaran tambahan tanpa perlu mohon semula

Pemohonan dibuka **1 - 15 April 2021**

Pembayaran akan dibuat mulai **Jun 2021**

KRITERIA PERMOHONAN

- Perniagaan menepati kriteria PKS mikro
- Berdarflu dengan SSM, PBT / LHDN

PKS: Program Kewangan Strategik dan Tambahan Untuk Solusi Kewangan dan Perkhidmatan Masyarakat. GKP: Geran Khas Prihatin. PKS mikro: Program Strategik Kewangan Untuk Solusi Kewangan dan Perkhidmatan Masyarakat.

Sumber: Menteri Kewangan Tan Sri Zeti Azizah Amin | Diterjemah: 29 Mac 2021 | Infographic: Bernama

Syukri mahu fokus perusahaan ikan air tawar

Atlet petanque teroka bidang akuakultur

AINI MAWAWI

BARU berusia 19 tahun namun atlet petanque Wilayah Persekutuan, Muhammad Syukri Fadel bijak merancang masa hadapan. Baginya masa muda waktu yang paling tepat untuk memulakan langkah dalam hidup.

Merancang membuka perusahaan penternakan ikan air tawar di Labuan, dia kini menyambung pengajian dalam bidang Akuakultur di Kolej Komuniti Bera, Pahang untuk menimba ilmu berkaitan selok-belok perusahaan tersebut.

"Saya lihat masa hadapan penternakan ikan air tawar di Labuan ini mempunyai potensi tinggi. Ikan air tawar amat sukar didapati di sini sedangkan permintaannya agak tinggi kerana ramai warga semenanjung yang



berhijrah ke sini," ujarnya. Rancak merangka masa hadapan, Syukri berkata, dia mahu memastikan cita-citanya tercapai dan menjadi rujukan bagi mereka yang berhasrat menjalankan perusahaan penternakan ikan air tawar suatu hari nanti.

"Disebabkan itu juga saya memilih untuk menyambung pelajaran di Pahang kerana negeri itu sememangnya terkenal dengan perusahaan tersebut," ujar anak bongsu daripada tiga orang adik-beradik ini.

Beralih kepada bidang sukan pula, atlet yang mula bergiat aktif sejak empat tahun lalu ini merupakan antara atlet petanque yang terpilih untuk mewakili Wilayah Persekutuan pada SUKMA Johor.

"Alhamdulillah biarpun masih dikategorikan sebagai atlet baru namun

saya berjaya melayakkkan diri pada temasya yang bakal berlangsung pada tahun hadapan. Jadi, tempoh yang ada sekarang digunakan sebaiknya untuk berlatih," ujarnya.

Menyingkap permulaanya dalam sukan tersebut, Syukri berkata, dia mula mencebur sukan petanque ketika berada dalam tingkatan tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengiran Omar II, Sabah.

"Sukan ini sememangnya terkenal di Sabah, jadi mudahlah untuk menyertainya. Cuma saya agak beruntung kerana mengenali jurulatih, Dayangku Rahimah yang banyak membawa saya menyertai kejohanan sehingga bergelar atlet Wilayah Persekutuan," ujar Syukri.

Tambahnya lagi, dia turut menyimpan hasrat untuk melayakkkan diri dalam Sukan SEA sekali gus mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. **WK**

Pencapaian Muhammad Syukri

2020 – Kejohanan Petanque Terbuka anjuran Innoprise Capital Sdn. Bhd dengan kerjasama Persatuan Petanque Negeri Sabah – Tempat Ketiga

2019 – Kejohanan Petanque Brunei – Berpasukan – Tempat Ketiga

2019 – Sukan Wilayah Persekutuan – Tempat Kedua

2019 – Piala Angkasa Kebangsaan, Kedah – Top 8

Instagram: syukri_petanque Facebook: syukrijerlah



CARA balingan bola memainkan peranan penting dalam sukan petanque.

MSWP rangka blueprint 2021-2026

DALAM rancangan pelan pembangunan sukan jangka panjang 2021-2026, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mengajurkan Mesyuarat Hala Tuju Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan pada 18 dan 19 Mac lalu di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur.

Mesyuarat selama dua hari itu dihadiri seramai 51 peserta yang mewakili 20 jenis sukan berbeza termasuklah wakil Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), **Datuk Ramlan Shaheen @ Askolani** yang merasmikan majlis penutupan mesyuarat itu berkata beliau gembira apabila buat kali pertama

secara formal dapat bersama-sama jurulatih sukan di Wilayah Persekutuan sejak dilantik sebagai Pengerusi MSWP pada 1 September lalu.

"MSWP kini dalam perancangan merangka pelan pembangunan sukan jangka panjang atau Blueprint 2021-2026. Pada program kali ini, maklum balas dan input berkenaan pembangunan sukan amat penting bagi membantu MSWP dalam melengkapkan rangka kerja Blueprint yang bakal diperkenalkan tidak lama lagi.

"Di kesempatan ini, saya berharap agar cadangan model pembangunan sukan yang baru ini dapat direalisasikan dengan jayanya dan saya menyeru semua jurulatih dan persatuan sukan agar memainkan peranan masing-masing demi kepentingan pembangunan su-

kan di Wilayah Persekutuan," kata Ramlan.

Turut hadir pada mesyuarat itu adalah Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri.

Dalam mesyuarat itu, dua ahli panel berpengalaman luas iaitu Profesor Madya Dr Nur Ikhwan Mohamad dari Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan juga Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan Majlis Sukan Negara (MSN), Mohd Safrushahar Yusoff turut serta berkongsi kepakaran masing-masing.

Dr Nur Ikhwan membuat perkongsian model pembangunan sukan di peringkat global dan juga lokal sementara Mohd Safrushahar memberikan perspektif pengalamannya dalam pembangunan sukan MSN ke peringkat elit. **WK**



PESERTA yang menghadiri mesyuarat baru-baru ini.



WAN Ahmad Fayhsal bergambar bersama warga kerja Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak selepas siri lawatan ke empat buah daerah negeri itu.

KBS gerakkan belia daftarkan anak muda, warga berumur di pedalaman

KEMENTERIAN Belia dan Sukan akan menggerakkan golongan belia bagi membantu kerajaan mendaftarkan anak muda serta golongan berusia di pedalaman untuk pengambilan vaksin COVID-19, menerusi MySejahtera.

Timbalan Menteri berkempenan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal berkata langkah itu dibuat selepas didapati kelompok tersebut kurang kesedaran dan pengetahuan berhubung pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera.

"Kita memerlukan bantuan kerana kekangan maklumat menjadikan mereka yang tinggal di pedalaman menghadapi

masalah untuk mendaftar menerusi MySejahtera," katanya pada sidang media selepas melawat fasiliti sukan sekitar Taman Kerian hari ini.

Mengenai lawatannya itu, Wan Ahmad Fayhsal berkata program bertujuan meninjau kesesuaian cadangan mewujudkan sebuah padang hoki sintetik di sini.

"Kawasan ini cantik dan saya percaya daerah Kerian yang mempunyai rekod melahirkan pemain hoki untuk negeri dan kebangsaan selain fasiliti sukan yang boleh dimanfaatkan golongan muda untuk tujuan latihan," tambahnya. - **BERNAMA**

Pembinaan struktur baharu Pasar Keramat dimulakan lepas Aidilfitri

Khemah besar sementara untuk peniaga

AZLAN ZAMBRY

SUSULAN kebakaran yang melibatkan deretan kedai di Pasar Datuk Keramat pada 17 Mac lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membina semula bangunan baharu di tapak niaga bagi kemudahan peniaga terlibat.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, projek tersebut akan dilaksanakan selepas Hari Raya Aidilfitri disebabkan tapak yang sama akan digunakan untuk operasi bazar Ramadan.

"Cadangan kita adalah untuk merobohkan segera struktur bangunan terbakar supaya boleh dilakukan kerja serta-merta untuk menyiapkan tapak baharu.

"Bangunan tersebut adalah separa kekal yang akan digunakan dalam tempoh enam tahun dan akan digunakan sementara menunggu projek pembangunan semula Pasar Datuk Keramat dilaksanakan seperti perjanjian yang ditandatangan dengan sebuah syarikat swasta pada 2017," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi perjumpaan bersama penjaja Pasar Datuk Keramat di Dewan Kompleks Sukan Datuk Keramat pada Rabu.

Katanya, selepas proses perrobohan bangunan selesai dilaksanakan, sebuah khemah besar akan dipasang bagi memberi kemudahan kepada peniaga dan ia boleh memuatkan kira-kira 45 peniaga.

"Keluasan untuk setiap tapak adalah kira-kira 100 kaki persegi dan khemah tersebut kemudian akan dibersihkan selepas Ramadan bagi memberi laluan kepada projek bangunan pasar dimulakan.

"Kita minta projek disiapkan tak lebih empat bulan, pemaju boleh buat persediaan daripada sekarang. Lepas habis Ramadan, mereka boleh terus mulakan kerja.

"Dalam tempoh pembinaan, jika ada peniaga jumpa tempat berniaga di lokasi lain, kita akan pertimbangkan serta bantu mempermudahkan urusan," katanya.

Dalam kejadian 17 Mac lalu, hampir 50 peniaga terlibat dalam kebakaran yang memusnahkan deretan kedai di Pasar Datuk Keramat. **WK**



ANNUAR (kanan) mendengar pandangan daripada mangsa kebakaran ketika perjumpaannya dengan penjaja Pasar Datuk Keramat pada Rabu.

Klinik kecantikan Bx Beaux & Fisioterapi hargai wanita

KLINIK Bx Beaux dan Fisioterapi melancarkan fasiliti kesihatan dan tawaran terkini menerusi komitmen dalam mengenali masalah wanita sepanjang tempoh promosi 'Every Woman Event - Ladies Day Out' bermula awal Mac lalu.

Malah, sejarah Hari Wanita Sedunia yang disambut pada 8 Mac lalu, pelbagai pengisian diadakan termasuk cara menangani beberapa isu yang sering membelenggu kaum hawa.

Pengarah Urusan (Operasi dan Klinikal), **Dr Mohammad Syafiq Lokman Hakim** berkata, BX Group melancarkan BX Beaux Clinic yang menyediakan perkhidmatan perubatan estetik di Jalan Maarof,

Bangsar, Kuala Lumpur.

"Turut disediakan adalah khidmat fisioterapi daripada BX Beaux Fisioterapi. Ini merupakan fasiliti keempat yang menawarkan perubatan estetik dan fisi," katanya kepada *Wilayahku* pada Sabtu.

Terdahulu, majlis perasmian dan pembukaan cawangan keempat itu disempurnakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun.

Pihak BX Group dengan kerjasama Dhuha Beauty dan Klinik Pergigian Nurul Akmar turut menyumbangkan RM10,000 kepada Yayasan Kebajikan Negara. **WK**


Perubahan aliran trafik berhampiran stesen Monorel Chow Kit

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengubah aliran trafik di persimpangan Jalan Tuanku Abdul Rahman/Jalan Sultan Azlan Shah/Jalan Raja Muda Abdul Aziz berhampiran Stesen Monorail Chow Kit bermula Sabtu lalu.

Dalam satu kenyataannya pada Jumaat, DBKL memaklumkan perubahan itu bertujuan untuk melancarkan aliran trafik dan meningkatkan lagi tahap keselamatan di lokasi terbabit.

"Dalam perubahan ini, pengguna dari arah Jalan Raja Muda Abdul Aziz tidak dibenarkan ke Jalan Chow Kit. Pengguna diminta untuk menggunakan Jalan Sri Amar sebagai jalan alternatif.

"Perubahan ini adalah hasil daripada kajian terperinci yang telah dilaksanakan dan akan dapat memberikan lebih keselesaan kepada pengguna jalan raya serta mengurangkan kadar risiko kemalangan," kata kenyataan itu. **WK**



IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku
MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

| | | | |
|--------------------|--|-------------|----------------|
| FULL PAGE | | 26cm X 33cm | RM7,500 |
| HALF PAGE | | 26cm X 17cm | RM5,500 |
| QUARTER PAGE | | 12cm X 17cm | RM4,500 |
| PANEL PAGE [INNER] | | 26cm X 6cm | RM4,500 |

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

| | |
|--|---|
| | FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500 |
| | MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000 |
| | MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500 |
| | HALF PAGE 350px X 500px RM1,000 |

50,000 naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.



Atlet
petanque
teroka bidang
akuakultur

►22

Beli rumah: Orang muda kurang faham bukan tidak layak

NUR DIANA SYUHADA MOHD AMIR

HARGA rumah yang tinggi menyukarkan golongan muda memilikinya bagaimanapun selain pendapatan punca utama adalah tidak kurangnya ilmu pengurusan kewangan.

Perkara itu diakui kakitangan awam, **Qistina Fishah Mohd Fisol**, 23, yang menyatakan dia masih tidak mempunyai simpanan untuk pembelian rumah dan lambat menyedari tentang keperluan pengurusan kewangan.

"Saya tidak dideahkan mengenai cara menyimpan duit untuk beli asset terutamanya rumah, memang ada buat simpanan tetapi bukan untuk kegunaan dalam tempoh dua atau tiga tahun akan datang," katanya kepada *Wilayahku*.



QISTINA FISHAH



HARIZ SAFWAN



ATIQAH NABIHAH

Dalam pada itu, Qistina Fishah juga menyatakan dia berhasrat menggunakan khidmat penasihat kewangan bagi membantu urusan pembelian rumah bagi mengelakkan ditipu atau terbeban dengan hutang.

Pegawai Komunikasi Korporat, **Hariz Safwan Ridzuan Shah**, 26, pula berpendapat, individu yang ingin membeli rumah pada usia muda perlu mengumpul wang sekurang-kurang lima tahun supaya tidak terbeban dengan hutang pinjaman yang lama.

"Bila habis belajar baru saya sedar penting untuk beli rumah dahulu sebab harga makin meningkat tetapi sudah terlambat jika saya baru mula menyimpan sekarang," tambahnya yang menyeru mahasiswa tidak boros berbelanja sebaliknya memanfaatkan duit pinjaman PTPTN



GOLONGAN belia kurang pendedahan tentang pengurusan kewangan, sukar beli rumah di usia muda.

sebaiknya.

Sementara itu, pegawai perhubungan awam, **Atiqah Nabihah Mohd Zulkiple**, 23, berkata, dia belum mempunyai perancangan untuk membeli rumah selain tidak mengetahui skim yang disediakan kerajaan.

Dia juga mendakwa, inisiatif dan bantuan berkaitan perumahan kurang didedahkan di media cetak mahupun elektronik.

Bagi kakitangan swasta, Amira Arianie Mohd Rizan, 23, hasrat untuk membeli rumah terpaksa dilupakan kerana perlu melangsaikan

hutang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terlebih dahulu.

Sebelum ini, kerajaan menyediakan pelbagai skim perumahan untuk golongan muda dan belia memiliki rumah sendiri.

Malah, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) juga menyediakan pelbagai insentif dan inisiatif untuk kumpulan sasar terutama dari kategori B40 memiliki rumah sendiri di usia muda sekali gus mengurangkan jurang miskin bandar di kota. WK

Malaysia perlu rebut peluang baharu

MALAYSIA perlu melakukan aturan semula dan merebut peluang pertumbuhan baharu untuk bangkit kembali dengan lebih kukuh daripada impak pandemik, kata Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) **Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus**.

"Menyasarkan tempoh yang lebih panjang, krisis itu juga menyediakan peluang kepada Malaysia untuk membuat aturan semula dan membina asas yang lebih kukuh dalam pelbagai bidang."

"Pembaharuan (struktur) akan meletakkan Malaysia di kedudukan yang lebih baik bagi mencatatkan pemulihhan ekonomi yang bertahan lama dengan tenaga kerja tangkas dan berdaya tahan, pertumbuhan berlandaskan inovasi serta perlindungan sosial bagi kumpulan rentan," katanya pada sidang media maya mengenai Laporan Tahunan BNM 2020 pada Rabu.

Nor Shamsiah berkata, hampir kesemua usaha untuk memangkinkan transformasi ekonomi, terutamanya penambahbaikan ekosistem pelaburan diperlukan untuk menarik dan memudahkan pelaburan yang boleh mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi.

Menurutnya, dasar berkaitan buruh untuk meningkatkan mekanisma latihan dan padanan serta memantapkan daya tahan pekerja, perlu melengkapkan usaha-usaha ini.

Selain itu, katanya, dasar menyeluruh juga diperlukan dalam pasaran buruh untuk menyokong pemulihran daripada krisis dan mempersiap tenaga kerja bagi pekerjaan pada masa depan. - BERNAMA

Daftar vaksin: Tolong hargai usaha kerajaan - Shiha

DEEL ANJER

USAHA kerajaan untuk menghapuskan pandemik COVID-19 dilihat sedikit hambar apabila pelaksanaan Program Imunisasi Kebangsaan yang dijalankan pada masa ini kurang mendapat sambutan kurang mendapat sambutan sebagian masyarakat.

Malah, kebanyakannya mereka masih meragui keberkesanannya vaksin walaupun pelbagai langkah proaktif dilakukan termasuk tayangan secara langsung penerima vaksin dalam kalangan pemimpin masyarakat.

Ini kerana, laporan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV)

baru-baru ini menyatakan masih ramai yang tidak mendaftar untuk mendapatkan vaksin.

Bagi penyanyi dan pelakon popular, **Shiha Zikir**, 33, rakyat harus bersama-sama menyokong usaha kerajaan demi kebaikan semua.

"Seperti yang kita semua maklum, pendaftaran untuk mendapatkan vaksin telah lama dibuka. Kita boleh mendaftar secara atas talian atau manual."

"Bagi saya, perkara yang baik dan memberi kebaikan kepada semua serta halal di sisi agama, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melaksanakannya."

"Jadi janganlah ada rasa ragu-ragu terhadap

vaksin COVID-19. Sampai bila kita nak berada dalam situasi sekarang. Nasib tidak berubah kalau tidak diusahakan," ujar Shiha yang berharap tidak ada pihak yang cuba mempengaruhi orang lain untuk tidak mengambil vaksin.

Menurut Shiha, pengambilan vaksin adalah pilihan individu, namun diharapkan pendapat negatif berkenaan tidak disebar luas sehingga menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat.

"Tolonglah hargai usaha kerajaan dan bersama-sama berusaha untuk menjadi lebih baik dengan mengambil suntikan vaksin," ujar penyanyi lagu AEWO itu lagi. WK

Sebelum ini, Buku Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) menyatakan dua kaedah secara dalam talian iaitu pendaftaran menerusi aplikasi MySejahtera atau laman web khas di www.vaksincovid.gov.my.

Bagi pendaftaran secara manual pula, terdapat tiga kaedah yang membolehkan orang ramai mendaftarnya iaitu menghubungi talian hotline, hadir ke fasiliti klinik kesihatan awam dan swasta, atau menerusi program bantuan bagi penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman.



SHIHA ZIKIR